

Bab 4

Hubungan Kaum

Darurat bukan sahaja menyebabkan penduduk menderita, tetapi juga meningkatkan prasangka perkauman. Zaman darurat memburukkan lagi keadaan ketegangan kaum yang sudah mula memuncak selepas pendudukan Jepun. Dalam kata lain, darurat menjadi satu faktor yang menyebabkan masalah hubungan kaum menjadi lebih tegang dan serius. Zaman kacau-bilau selama 12 tahun yang ditimbulkan oleh pengganas komunis, yang majoritinya orang Cina telah meninggalkan perasaan syak wasangka dalam pemikiran penduduk Tanah Melayu. Di samping wujudnya perasaan perkauman, pengalaman pahit tersebut juga mencetuskan perasaan anti-komunis.

Menyedari bahaya masalah perkauman itu, terutamanya dalam proses menamatkan darurat, maka usaha untuk meredakannya dilakukan. Ini membawa kepada lahirnya beberapa pertubuhan dan gabungan pertubuhan dengan tujuan mengurangkan hubungan tegang yang wujud antara kaum. Antaranya, Jawatankuasa Hubungan Kaum (*Communities Liaison Committee/CLC*) yang bertujuan untuk memperbaiki hubungan antara kaum di Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1949. MCA, ditubuhkan pada Februari 1949 untuk membersihkan imej orang Cina dan memperbaiki hubungan antara orang Cina dengan orang Melayu di Tanah Melayu. MCA kemudian bergabung dengan UMNO dan membentuk Perikatan pada tahun 1952. Idea Perikatan ini seterusnya dikembangkan kepada gabungan UMNO-MCA-MIC pada tahun 1955 dan berjaya memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British pada 31 Ogos 1957.

Hubungan Antara Kaum Sebelum Tahun 1948

Sebelum Perang Dunia Kedua, hubungan antara kaum di Tanah Melayu dipisahkan oleh faktor ekonomi, tempat tinggal dan sistem pendidikan yang berbeza. Kebanyakan orang Melayu bekerja sebagai petani dan nelayan. Mereka tinggal di kampung yang berhampiran dengan laut atau sungai. Kanak-kanak Melayu mendapat pelajaran di sekolah pondok atau sekolah Melayu. Orang Cina pula terlibat dalam perniagaan dan perlombongan, mereka sama ada tinggal di bandar, pekan atau kampung Cina. Mereka menghantar anak-anak ke sekolah Cina. Sementara itu, majoriti orang India adalah buruh estet yang menjalankan kehidupan harian mereka di estet. Anak-anak mereka belajar di sekolah India yang disediakan oleh pihak majikan estet. Kehidupan, pekerjaan dan sistem persekolahan yang berbeza tidak memungkinkan kaum Melayu, Cina dan India berintegrasi antara satu sama lain. Mereka rata-rata hidup berkelompok sesama kumpulan mereka. Perkembangan ketiga-tiga kaum itu hampir tidak diketahui antara satu sama lain. Keadaan yang terpisah ini tidak memungkinkan hubungan baik terjalin antara mereka. Namun demikian, hidup masyarakat tenteram dan tidak berkonflik.

Ketegangan hubungan antara tiga kaum utama, Melayu, Cina dan India telah dibina semasa zaman pendudukan Jepun dari Disember 1941 hingga Ogos 1945. Pentadbiran Jepun menggariskan pembahagian yang jelas dalam layanan mereka kepada orang Melayu dan bukan Melayu. Orang Melayu dan India disukai, orang Cina kerap dilayan dengan buruk dan dianiayai. Ini kerana orang Cina seberang laut memberi sokongan dan bantuan kepada Negara China dalam perang menentang pencerobohan Jepun ke atas China pada tahun 1937. Keadaan ini menyebabkan ramai orang Cina melarikan diri ke pinggir hutan dan melakukan aktiviti pertanian dan penternakan bagi mengelakkan penindasan yang berterusan daripada tentera Jepun.¹ Kumpulan inilah yang

kemudian menunjukkan simpati dengan perjuangan komunis dan menghulurkan bantuan kepada komunis. Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Jepun mengamalkan dasar perkauman yang difikirkan sesuai supaya memenangi sokongan daripada sebahagian penduduk tempatan. Pihak Jepun sedaya upaya untuk memainkan peranan dalam membangkitkan perasaan perkauman antara orang Melayu dengan Cina. Mereka berharap untuk memenangi sokongan orang Melayu dengan menunjukkan keutamaan dan pertimbangan terhadap orang Melayu. Salah satu hasil daripada kerjasama orang Melayu dengan Jepun ialah pengambilan orang Melayu dalam pasukan polis.² Mereka bekerja di bawah orang Jepun dan digunakan untuk menekan gerakan penentangan terhadap orang Cina. Jelasnya, Jepun meletakkan orang Melayu dalam pentadbiran mereka, manakala orang Cina yang amat tertekan di bawah pemerintahan Jepun, ramai memasuki MPAJA di bawah pengaruh PKM. Ini kerana Jepun mempunyai perasaan syak wasangka dan benci terhadap orang Cina yang membantu Negara China dalam Perang China-Jepun tahun 1937. Akibatnya, timbulah perasaan tidak puas hati di kalangan orang Cina di mana mereka menganggap Jepun sebagai musuh ketat dan orang Melayu sebagai pengkhianat. Keadaan tersebut dengan sendirinya telah menanamkan semangat dendam orang Cina terhadap orang Melayu kerana membantu Jepun memerangi MPAJA. Pihak Jepun mempergunakan pasukan polis yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu menentang MPAJA yang didominasikan oleh orang Cina. Ekoran dari itu, timbul perselisihan antara orang Melayu dengan orang Cina. Dengan dipimpin oleh Jepun, pasukan Melayu melancarkan serangan terhadap MPAJA yang didominasi oleh orang Cina. Sebagai balasannya, MPAJA menyerang kampung Melayu.³ Ini telah menimbulkan kemarahan kedua-dua pihak dan hubungan antara orang Cina dan Melayu semakin merosot. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa pemerintahan Jepun

memperkuatkan lagi perasaan perkauman di kalangan penduduk berbagai kaum di Tanah Melayu, terutamanya antara orang Cina dengan orang Melayu.

Berikutnya dengan ketewasan Jepun pada Ogos 1945, Bintang Tiga mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu selama dua minggu. Pada masa itu, tindakan pembersihan dilakukan oleh MPAJA yang ditaja oleh PKM ke atas orang yang menyokong Jepun atau pensubahat. Kebanyakan daripada mereka yang menjadi sasaran penyerangan dan pembunuhan MPAJA adalah orang Melayu yang membantu Jepun dan enggan menyebelahi MPAJA semasa perang. Peluang ini sebenarnya diambil oleh pengganis komunis untuk membalas dendam terhadap orang Melayu yang bekerjasama dengan Jepun dalam usaha menentang mereka. Hal ini mencetuskan pergaduhan yang serius antara orang Melayu dengan orang Cina. Akibatnya, berlakulah apa yang diistilahkan sebagai rusuhan antara kaum Melayu dengan Cina. Keadaan ini menambahkan lagi ketegangan antara kaum Melayu dengan Cina. Seterusnya, membawa kepada pertelingkahan kaum yang berleluasan di Tanah Melayu selepas perang. Kebanyakan kejadian itu berlaku di Johor⁴ dan Negeri Sembilan pada Ogos hingga November 1945, serta di Perak dan Pahang pada awal tahun 1946. Dalam kejadian itu, dianggarkan terdapat lebih 600 orang terbunuh.⁵ Antaranya, pada 6 November 1945, kira-kira 6 pagi, sekumpulan orang Melayu menyerbu kawasan petempatan orang Cina di Padang Lebar, Negeri Sembilan dan membunuh 35 wanita dan kanak-kanak serta lima lelaki. Mangsa keganasan itu dibakar kecuali mayat kanak-kanak yang dibuang ke dalam telaga. 10 pembunuhan yang terlibat telah ditahan pada pagi itu dan tujuh yang lain ditangkap pada hari berikutnya. Mereka bertindak sedemikian kerana dipaksa untuk menyertai Parti Komunis dan juga digugat supaya membayar yuran keahlian. Dalam kejadian itu, tiada penjelasan yang diberi berkenaan dengan pemilihan wanita dan kanak-kanak sebagai mangsa membalas dendam. Hari berikutnya pula, berlaku konflik di antara beberapa ahli

MPAJA dan orang Melayu di Batu Kikir, tidak jauh dari Padang Lebar, Negeri Sembilan. Sebilangan orang Melayu ditembak mati dan enam ahli MPAJA dibunuh dengan parang atau keris.⁶ Berikutnya, dalam bulan-bulan seterusnya beberapa pertelingkahan telah berlaku di Pahang dan Perak. Dalam kejadian itu, lebih 10 orang Cina terbunu di samping sebilangan kecil orang Melayu. Antaranya ialah kejadian yang berlaku berdekatan Tanjung Tualang, Perak, enam orang Cina diserang oleh orang Melayu. Tentera British dan India menangkap enam orang Melayu bersama dengan 76 orang Cina, menuduh mereka adalah ahli sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai *The Chinese Self-Defence Corps*. Begitu juga, di Bukit Gantang, Perak, dua orang Cina dibunuh dan dua rumah orang Cina dibakar oleh orang Melayu. Rusuhan anti-Cina juga berlaku di Baling, Kedah, di mana enam orang dibunuh dan tujuh rumah dibakar. Beberapa hari kemudian, sejumlah rumah orang Melayu di Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak, diserang oleh orang Cina dan rumah dibakar. Dalam kejadian itu, polis menjumpai 40 mayat.⁷ Selain itu, akhbar Melayu, *Majlis*, melaporkan bahawa 200 orang Cina dan tujuh orang Melayu terbunu dalam pertelingkahan kaum di Raub, Pahang pada Januari 1946.⁸ Selain daripada kejadian tersebut, berlaku juga kejadian ketegangan kaum akibat perbuatan hasutan golongan yang tidak bertanggungjawab. Pada tahun 1947, contohnya di Taiping, Perak, Sheikh Osman, seorang ketua komuniti kawasan itu dikatakan membangkitkan suasana tegang di kalangan penduduk Kampung Padang Kerbau dengan memberitahu mereka bahawa dalam masa 20 hari, orang Cina dari seluruh kawasan Perak akan bangun untuk menghapuskan orang Melayu di kawasan itu.⁹

Keganasan, pembunuhan demi pembunuhan serta pertumpahan darah melingkari senario Tanah Melayu ketika itu. Tempoh selama empat belas hari penguasaan komunis banyak mengajar penduduk Tanah Melayu mengenai maksud sebenar perjuangan PKM. Kesilapan besar yang dilakukan oleh PKM sukar dimaafkan oleh penduduk Tanah

Melayu. Tindakan kekerasan komunis telah menjelaskan reputasinya di kalangan penduduk. Oleh yang demikian, PKM sama sekali tidak dapat mewajarkan dakwaannya untuk membebaskan penduduk daripada belenggu penjajah kerana dalam masa yang sama parti itu turut membunuh penduduk dan memusnahkan mata pencarian serta harta benda penduduk. Jadi, sokongan yang sebelum ini diberikan oleh penduduk kepada PKM semasa perjuangan mereka menentang tentera Jepun telah bertukar menjadi kebencian yang sangat mendalam di jiwa mereka. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa perjuangan asal PKM yang bermatlamat untuk mendirikan sebuah kerajaan republik komunis di Tanah Melayu tidak kesampaian. Walaupun PKM memperolehi kesempatan yang baik bagi merealisasikan cita-cita tersebut selepas Jepun menyerah kalah dan sebelum BMA mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu, namun ia gagal dimanfaatkan sepenuhnya.

Hubungan antara kaum di Tanah Melayu dirumitkan lagi dengan pengenalan rancangan *Malayan Union* pada 1 April 1946.¹⁰ Rancangan *Malayan Union* diterima oleh kebanyakan orang Cina¹¹ dan India kerana ia menjanjikan persamaan taraf. Sebaliknya, rancangan itu mendapat bantahan hebat daripada orang Melayu.¹² Antara sebabnya ialah hak kewarganegaraan yang longgar kepada kaum bukan Melayu,¹³ dilihat dapat menjelaskan kedudukan dan hak istimewa orang Melayu. Syor mengenai kewarganegaraan menyatakan bahawa sesiapa yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura boleh memperolehi hak kerakyatan *Malayan Union*. Bagi golongan imigran yang telah tinggal selama 10 daripada jangkamasa 15 tahun di negeri-negeri Melayu atau lima tahun di Singapura boleh menjadi warganegara *Malayan Union*. Peruntukan itu hendaklah sama rata tanpa mengira sama ada mereka adalah orang Cina, India, Melayu atau bangsa lain.¹⁴ Peruntukan ini memperhebatkan lagi perasaan perkauman yang sedang meluap-luap akibat pendudukan Jepun dan kebangkitan MPAJA. Ini kerana pada

pandangan orang Melayu, syarat kewarganegaraan *Malayan Union* akan menjelaskan hak dan kepentingan politik mereka sebagai penduduk asal Tanah Melayu. Mereka bimbang akan menjadi masyarakat minoriti di Tanah Melayu. Mereka juga melihatnya sebagai satu penjajahan ke atas Tanah Melayu. Rata-rata orang bukan Melayu terutamanya orang Cina menerima baik rancangan *Malayan Union* kerana mereka diakui sebagai warganegara dengan kedudukan yang sama rata sebagaimana kedudukan orang Melayu. Sementara itu, orang Melayu menentang *Malayan Union* dan menimbulkan ketidaksenangan orang bukan Melayu. Ini telah membangkitkan konflik antara orang Melayu dengan kerajaan British dan juga antara orang Melayu dengan bukan Melayu. Orang bukan Melayu menyokong rancangan *Malayan Union* kerana ia mendatangkan kebaikan kepada mereka. Namun demikian, PKM pula bersifat sinis dengan menyatakan *Malayan Union* tidak cukup memberi kebebasan atau kemerdekaan kepada penduduk Tanah Melayu. Dinyatakan:

The so called Malayan Union has not odour of democracy or self government. Politically, culturally and militarily being under the supervising control of Singapore, the Malayan Union permanently will be confined to a subordinate position . . . it will be the slave house of big British financiers and capitalists.¹⁵

Usul baru ini juga jelas menunjukkan satu percubaan politik pihak British untuk menguasai Tanah Melayu. Ia mengandungi langkah ke arah pemerintahan secara langsung oleh British. Peruntukan hak kewarganegaraan ini juga memperbaiki kedudukan politik orang bukan Melayu. Walaupun pada hakikatnya rancangan *Malayan Union* gagal, namun rancangan itu berhasil dalam memperhebatkan ketegangan hubungan antara kaum Melayu dengan Cina yang telah pun wujud sejak zaman pendudukan Jepun. Kegagalan rancangan *Malayan Union* kemudian membawa kepada pengenalan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.¹⁶ Ini kerana British menyedari pentadbiran dan kedudukan mereka di Tanah Melayu amat bergantung kepada kerjasama

dan sokongan orang Melayu dan raja-raja. Oleh itu, mereka bersedia meminda perlembagaan *Malayan Union* melalui rundingan dengan wakil UMNO dan raja-raja. Hasilnya, Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan. Dengan itu, pertikaian antara orang Melayu dan orang Cina tentang soal kewarganegaraan berterusan. Orang Cina melihat kewarganegaraan Persekutuan sebagai sekatan untuk komuniti Cina menjadi warganegara Tanah Melayu.¹⁷ Oleh itu, ia gagal dalam menyemai kesedaran yang diperlukan untuk mencapai perpaduan kebangsaan. Orang bukan Melayu akan terus menyokong PKM jika rasa tidak puas hati mereka tidak dibendung. Mereka tidak dapat menerima penarikan balik kerakyatan *Malayan Union* yang membolehkan 83% orang Cina dan 75% orang India menjadi warganegara *Malayan Union*. Sedangkan dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, hanya 28.3% komuniti bukan Melayu yang layak menjadi rakyat Persekutuan.¹⁸ Dalam pada itu, rancangan Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat memuaskan hati beberapa pihak penduduk di negara ini, termasuklah beberapa buah pertubuhan politik seperti AMCJA, PUTERA dan PKM.¹⁹ Ini kerana pertubuhan itu menganggap rancangan Persekutuan bersifat imperialis dan neokolonialis. PKM mengambil kesempatan dalam situasi tersebut dengan melancarkan pemberontakan bersenjata yang bermatlamatkan mengambil alih kuasa politik di Tanah Melayu dengan membentuk sebuah republik komunis. Dengan itu, negara berada dalam keadaan huru-hara dan konflik perkauman berterusan.

Hubungan Kaum Pada Zaman Darurat

Hubungan kaum di Tanah Melayu seterusnya dicorakkan oleh pemberontakan komunis dan darurat di Tanah Melayu. Ini adalah jelas kerana lebih 90% daripada pengganas komunis dalam hutan adalah orang Cina dan begitu juga majoriti penyokong komunis terdiri daripada orang Cina. Sementara itu, orang Melayu yang kebanyakannya

melibatkan diri sebagai polis, askar atau pengawal kampung terpaksa menghadapi bahaya serangan pengganas komunis dan menanggung kehilangan nyawa.²⁰ Keadaan tersebut menebalkan lagi perasaan kecurigaan dan ketegangan kaum.

Kerajaan Tanah Melayu berpendapat bahawa rancangan penempatan semula lebih berjaya sekiranya setiap pusat diduduki oleh satu-satu kaum tertentu. Kebanyakan kaum Cina dikumpulkan di kawasan petempatan yang sama, manakala orang Melayu di pihak yang lain. Hanya beberapa orang India yang tinggal berselerak di kawasan orang Cina dan Melayu. Kehidupan demikian memberi peluang yang amat tipis bagi mereka bergaul dengan kaum lain dan menyingkirkan perasaan perkauman. Sebaliknya, ia jelas menimbulkan satu pengasingan kaum yang amat ketara. Saling mengerti tidak mungkin timbul antara kaum disebabkan pergaulan yang terbatas. Penduduk yang ditempatkan di kawasan petempatan baru kekal dalam kelompok masing-masing. Di samping kawalan yang rapi, peluang mereka untuk bergaul dengan masyarakat lain juga amat terbatas. Dengan itu, hubungan antara kaum di Tanah Melayu tidak dapat diperbaiki.

Penempatan semula juga mengakibatkan kemarahan di kalangan orang Melayu kerana kemudahan dan perkhidmatan sosial yang disalurkan kepada penduduk luar bandar membawa kebaikan, terutamanya kepada orang Cina di kampung baru daripada orang Melayu yang tinggal di kampung Melayu. Ini kerana pihak British hendak memisahkan penduduk Cina daripada PKM, dengan harapan dapat memenangi sokongan dan kerjasama penduduk Cina ataupun sekurang-kurangnya mereka berhenti daripada membantu komunis. Oleh itu, mereka diberi berbagai kemudahan seperti hak milik tanah, tapak rumah, sekolah, klinik kesihatan, bekalan elektrik dan air serta jaminan perlindungan. Apabila orang Melayu di kampung melihat keadaan ini, mereka merasakan tidak menerima layanan yang adil. Ini membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu. Orang Melayu, sebagai penduduk yang setia, sanggup mengorbankan

nyawa demi mempertahankan negara dan tidak membantu komunis tetapi kampung mereka tidak diberikan sebarang kemudahan asas seperti yang terdapat di kampung baru.²¹ Mereka berasa marah kerana kemudahan hidup diberikan kepada orang Cina yang disyaki sebagai pengkhianat kepada kerajaan. Manakala kampung Melayu terus terbiar dan tidak mendapat perhatian yang sewajar daripada pihak kerajaan. *Warta Negara*, 22 November 1952, mendakwa bahawa orang Melayu di kampung ditinggalkan dengan lampu usang, perigi dalam keadaan buruk dan jalan berlumpur. Begitu juga, dalam Majlis Bandaran Kuala Lumpur, Abdullah Yassin mengadu bahawa di kawasan Sentul dan Setapak, Kuala Lumpur, hanya satu paip air yang dikongsi bersama oleh penduduk dari tiga kampung Melayu dan paip itu pula letaknya di sebelah kanan pekan Sentul, iaitu kira-kira 0.8 kilometer ($\frac{1}{2}$ batu) jauhnya dari kampung. Pada masa yang sama, keadaan di sekitar kampung adalah kotor kerana lembu dibenarkan dipelihara berhampiran dengan kampung.²² Dengan itu, lahir perasaan dendam di kalangan antara dua kaum utama di negara ini. Berikutnya, suara-suara ejekan daripada orang Melayu kedengaran yang menyatakan setinggan Cina ditempatkan semula adalah hasil daripada kemurahan hati komuniti lain di Tanah Melayu. Dalam hal ini, mereka telah mengatakan:

As I see it the root cause of the problem of the squatters is that this section of the people prefer to have their cake and eat it as well. They want to be possessor of land, but will not accept or will not allow themselves to be bound by the usual commitments of the ownership of the land; they want to live their own lives, their way of thinking, their own customs. Why should they come under control when all these things are allowed them? They contribute nothing towards land taxes or anything that control requires.²³

Juga timbul kritikan yang mengatakan sumber untuk pembangunan orang Cina luar bandar seharusnya digunakan untuk membaikpulih keadaan orang Melayu di kampung.²⁴ Keadaan ketidaksenangan yang ditunjukkan oleh orang Melayu juga pernah dinyatakan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Henry Gurney. Antara lain, beliau mengatakan orang Melayu menunjukkan ketidaksenangan hati terhadap layanan yang diberi kepada

setinggan Cina sehingga terdapat akhbar Melayu enggan melaporkan rancangan kerajaan dalam membantu orang Melayu.²⁵

Kerenggangan hubungan kaum semakin meningkat apabila orang Melayu sedar atas pemberian hak milik tanah kepada setinggan Cina yang sebenarnya belum menjadi warganegara Tanah Melayu. Dikatakan dalam keadaan terdesak sultan terpaksa menyerahkan tanah untuk tujuan rancangan perkampungan baru kerana Peraturan 17F, Undang-Undang Darurat 1948.²⁶ Jadi di sini, orang asing boleh mendapat tanah percuma atau dengan harga yang murah sekali dari kerajaan negeri. Tujuan usaha pihak kerajaan untuk memenangi hati penduduk Cina ini telah mendatangkan kesan sebaliknya dari kalangan penduduk Melayu. Tumpuan yang berlebihan kepada kaum Cina oleh pihak kerajaan bukan sahaja menimbulkan rasa tidak senang orang Melayu terhadap kaum Cina tetapi juga kepada pihak pemerintah sendiri. Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa dari satu sudut, rancangan kampung baru merupakan langkah yang berkesan dalam proses menamatkan darurat. Tetapi dari sudut lain, rancangan itu memberi implikasi ke atas hubungan antara kaum, terutamanya antara orang Cina dengan orang Melayu.

Ketegangan kaum bertambah meruncing apabila belia Cina dan India dalam lingkungan umur perkhidmatan negara (18-24 tahun) meninggalkan Tanah Melayu, setelah Peraturan Tenaga Manusia (*Manpower Regulation*) diumumkan pada 20 Disember 1950 oleh Pesuruhjaya Tinggi British Henry Gurney.²⁷ Apabila Peraturan Tenaga Manusia dikuatkuasakan, kira-kira 6,000 belia Cina melarikan diri ke Singapura dan beberapa ribu ke China, Hong Kong, Taiwan dan Indonesia kerana mengelak daripada perkhidmatan kerajaan.²⁸ Antaranya, pada 28 Mac 1951, 500 orang Cina belseyar dengan kapal *Mei Ann* dan pada 4 April 1951, 400 orang Cina menggunakan kapal *See Chuang* pulang ke Negara China.²⁹ Begitu juga, pada 6 Mei 1951, kapal *Kwei*

Yang dari Pulau Pinang melalui Singapura dalam perjalanan ke China dengan lebih 300 belia Cina berumur di antara 16 dan 29 tahun. Sementara itu, kira-kira 450 hingga 500 belia Cina lain mengikuti kapal *Anking* yang singgah di Pulau Pinang pada 7 Mei 1951 dalam perjalanan ke China.³⁰ Di Pulau Pinang, purata bulanan orang Cina yang memohon pulang ke China meningkat hampir lima kali ganda. Pada Disember 1950, purata pemohon bulanan adalah 87 orang, manakala pada Februari 1951, ia bertambah menjadi 463 orang.³¹ Selain belia Cina yang lari ke Negara China, didapati bahawa kapal ke India juga bertambah penuh.³² Pada awal Mac 1952, lebih kurang 400 belia India mengunjungi pejabat kesihatan di pelabuhan Pulau Pinang untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum keluar dari Tanah Melayu.³³ Dalam pada itu, pihak berkuasa di Sumatera melaporkan orang Cina dari Tanah Melayu masuk ke kawasan pantai timur Sumatera secara haram. Kebanyakan mereka adalah pemuda antara umur 16 dan 21 tahun untuk mengelakkan Peraturan Tenaga Manusia di Tanah Melayu.³⁴ Didapati pemuda Cina ini mlarikan diri ke Sumatera dengan sampan. Mereka sanggup membayar tambang yang tinggi, iaitu \$100 seorang. Selain itu, dilaporkan 250 hingga 300 pemuda berpindah ke Kedah dan Perlis sejak permulaan pendaftaran untuk perkhidmatan kerajaan di Pulau Pinang. Antaranya, sesetengah sedang menunggu kebenaran bertulis atau tempat dalam kapal untuk pulang ke Negara China. Segelintir kecil juga menunggu untuk meneruskan perjalanan ke selatan Thailand.³⁵ Begitu juga, dilaporkan di Kedah/Perlis, terdapat peningkatan 100% dalam bilangan pemohon pas sempadan melawat Thailand. Kesemua pemohon adalah pemuda dalam lingkungan umur 30 tahun.³⁶ Tindakan belia Cina telah dikritik oleh akhbar *Chung Shing* bertarikh 1 Mei 1951, menyatakan perbuatan mereka melarikan diri daripada tanggungjawab mempertahankan negara adalah satu perbuatan yang memalukan. Tindakan mereka itu juga menunjukkan belia Cina telah diracuni oleh propaganda komunis.³⁷ Justeru itu, timbul syak wasangka bahawa mereka

itu sebenarnya cuba mengelakkan diri daripada berkhidmat dalam perkhidmatan negara. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu membuat tanggapan kaum Cina tidak menunjukkan komitmen dalam membanteras pemberontakan komunis yang majoritinya dianggotai oleh orang Cina.

Malahan penyertaan orang Cina dalam pasukan keselamatan yang kurang menggalakkan turut menimbulkan ketegangan antara hubungan kaum di Tanah Melayu. Antara tahun 1949 dan 1951 hanya kira-kira 1,500 belia Cina sahaja yang tampil ke hadapan untuk berkhidmat dalam pasukan polis daripada anggota polis yang berjumlah 25,000-26,000 orang. Ini menambahkan lagi kehampaan orang Melayu. Pada tahun 1952, daripada sejumlah 29,804 orang anggota polis, orang Cina hanya berjumlah seramai 2,488 orang. Pada tahun 1953, ia berkurangan kepada 2,398 orang daripada jumlah keseluruhan anggota polis, iaitu seramai 28,150. Pada tahun 1954, jumlah orang Cina dalam pasukan polis ialah 2,264 daripada jumlah keseluruhan anggota polis seramai 23,896 orang. Pada tahun 1955 pula, ia berjumlah seramai 2,054 daripada jumlah keseluruhan anggota polis, iaitu 22,301 orang. Pada tahun 1956, terdapat seramai 2,261 orang Cina dalam pasukan polis daripada keseluruhan anggota berjumlah 22,183 orang. Jumlah tersebut telah meningkat pada tahun 1957, di mana daripada sejumlah 22,327 orang anggota polis di Tanah Melayu, orang Cina berjumlah seramai 2,491 orang. Keadaan tersebut dapat dilihat dalam Jadual 6.

Jadual 6
Jumlah Penyertaan Dalam Pasukan Polis Mengikut Komposisi Kaum

Tahun	Eropah	Melayu	India	Cina	Lain-lain	Jumlah
1947	138	8,133	1,513	428	37	10,249
1952	1,229	24,018	1,742	2,488	327	29,804
1953	1,141	22,665	2,488	2,398	319	28,150*
1954	933	19,015	1,418	2,264**	266	23,896
1955	948	17,797	1,303	2,054	199	22,301
1956	828	17,655	1,277	2,261	162	22,183
1957	583	17,869	1,251	2,491	133	22,327

*Angka dalam jadual adalah untuk 12 bulan. Pada 1 November 1953, terdapat 22,934 anggota polis di Tanah Melayu. Supplementary Memorandum From Secretary For Defence, Recruitment Into The Rank & File of The Police Force, dalam C.O. 1022/169/SEA85/3/06, Strength of Federation of Malaya Police Force, hlm. 10.

***The Straits Times*, 19 November 1954, hlm. 1, melaporkan jumlah orang Cina yang menjadi polis hanya 2,059 pada pertengahan November 1954. Rujuk juga Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia: A History of The Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 120.

Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 224; *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 294; *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 300; *Federation of Malaya Annual Report 1957*, Kuala Lumpur: Government Press, 1958, hlm. 316. Rujuk juga Memorandum From The Secretary For Defence Progress Report For The Last Quarter 1954, dalam C.O. 1030/36/FED17/112/01 Part A, *Federation of Malaya Administrative Reports*, hlm. 173; Quarterly Report From The Secretary For Defence, Fourth Quarter, 1955, dalam C.O. 1030/36/FED17/112/01 Part A, *Federation of Malaya Administrative Reports*, hlm. 49. Angka untuk tahun 1947, lihat juga *Sing Pin Jih Pao*, 15 April 1957, hlm. 1.

Jumlah penyertaan orang Cina dalam jadual tersebut jika dibandingkan dengan jumlah penyertaan orang Melayu adalah amat kecil. Walaupun orang Cina banyak menyertai bidang lain seperti pegawai perhubungan dan penolong pegawai penempatan semula,³⁸ namun penyertaan mereka dalam pasukan keselamatan tidaklah begitu memuaskan. Sesungguhnya, kesediaan orang Melayu menyertai pasukan keselamatan untuk melawan pengganas komunis berbanding dengan orang Cina menjadi faktor utama dalam mengekalkan permusuhan antara orang Cina dengan orang Melayu.

Walaupun rayuan dan seruan dibuat, orang Cina bukan sahaja tidak menunjukkan peningkatan dalam menyertai pasukan keselamatan, malahan sebagai *Home Guard* untuk

kampung mereka sendiri. Pada penghujung tahun 1950, terdapat 30,000 *Home Guard* di Tanah Melayu. Antaranya, 25,400 adalah orang Melayu, 3,500 orang Cina, 800 orang India dan 300 lain-lain.³⁹ Ini menunjukkan orang Cina hanya merangkumi 11.6% dalam pasukan *Home Guard*. Bagi orang Cina, pembentukan pasukan *Home Guard* adalah muslihat kerajaan untuk memaksa orang Cina mengangkat senjata menentang pengganas komunis yang selama ini mereka cuba mengejukkan daripada kumpulan itu seboleh mungkin. Sikap orang Cina yang sedemikian terhadap penubuhan unit pasukan *Home Guard* menambah dan menebalkan lagi kepercayaan sebahagian besar orang Melayu bahawa komunis adalah orang Cina dan orang Cina adalah komunis.

Di samping itu, disebabkan komposisi kaum yang jelas berbeza dalam pasukan keselamatan, adakalanya tindakan mereka dalam mengawal keamanan terutamanya meliputi kaum lain dilihat dari sudut perkauman. Hal ini tentunya memperhebatkan lagi perasaan perkauman. Keadaan yang sama juga boleh berlaku pada sebaliknya, di mana kebanyakan pengganas komunis terdiri daripada orang Cina. Tindakan pengganas komunis menyerang orang Melayu seperti yang berlaku di beberapa tempat di Tanah Melayu semasa darurat, kerap kalinya menimbulkan kemarahan orang Melayu dan mengakibatkan berlakunya serangan balas. Serangan balas tersebut ditujukan kepada orang Cina yang dianggap sebangsa dengan pengganas komunis. Akhirnya, pertempuran yang berlaku bukan lagi merupakan pertempuran menentang pengganas komunis tetapi menjadi pertempuran antara kaum. Ini mengakibatkan hubungan antara kaum menjadi semakin renggang dan kehidupan mereka sentiasa dikuasai oleh prasangka perkauman. Contohnya, kejadian di Kerdau, Pahang. Pada 18 April 1949, pengganas komunis menyerbu Kampung Kerdau di kawasan Mentakab, Pahang. Mereka menembak seorang pemuda Melayu, mencederakan menantu penghulu dan mengumpulkan kad pengenalan sebelum berundur. Pengawal kampung bersenjata dari sebuah kampung yang letaknya

kira-kira 0.80 kilometer ($\frac{1}{2}$ batu) jauhnya, bergegas ke tempat kejadian dan menembak dua orang Cina yang berada di tempat kejadian. Sepasukan tentera tiba dan melihat orang Cina ketiga sedang dikejar oleh orang Melayu yang mengayun-ayunkan parang. Pasukan keselamatan itu sempat menyelamatkan orang Cina berkenaan daripada keganasan yang selanjutnya. Akibat daripada kejadian itu, hampir semua orang Cina yang sebelumnya menetap di Kerdau telah berpindah ke tempat lain.⁴⁰ Dalam perkembangan lain, pada 13 Julai 1949, segerombolan 20 penggalas komunis menyerbu Kampung Krikal, Kampar, Perak. Mereka membunuh dua wanita Orang Asli dan mencederakan seorang lelaki, seorang wanita dan seorang kanak-kanak Orang Asli. Kejadian ini menimbulkan kemarahan Orang Asli dan mereka bertindak menyerang kampung Cina yang berdekatan, iaitu Bukit Pekan. Seramai 14 orang Cina dibunuh oleh Orang Asli.⁴¹ Dalam perkembangan lain, pada 27 Januari 1951, kawasan setinggan di Pokok Stoi, berdekatan Bukit Janun, Sungai Patani, Kedah, diserang oleh sekumpulan orang Melayu yang bersenjatakan parang, senapang patah dan lembing. Kejadian itu menyebabkan 29 daripada 32 pondok setinggan Cina itu musnah dibakar. Kejadian itu menyebabkan sembilan orang Cina terbunuh serta lima cedera. Tragedi itu berlaku kerana kawasan itu sering diserang oleh komunis dan pernah melibatkan kematian seorang Melayu. Oleh itu, orang Melayu dari kawasan berdekatan berkumpul dan membala dendam.⁴²

Selain itu, suatu perkembangan yang berlaku di kalangan orang Cina pada tahun 1949 turut membawa kepada ketidaksenangan di kalangan kaum lain. Ramai orang Cina menunjukkan kebanggaan dan kegembiraan ke atas kemenangan perjuangan politik di China oleh komunis. Di Perak, contohnya, sebuah negeri majoriti penduduknya orang Cina telah memperlihatkan perubahan sejak hujung tahun 1949. Penduduk dan peniaga Cina menyatakan kegembiraan mereka terhadap kejayaan Parti Komunis China menubuhkan Republik Rakyat China. Mereka yang bersimpati dengan komunis cuba

mendapatkan inspirasi daripada kegiatan Parti Komunis China. Dengan demikian, perasaan cinta kepada tanahair dan komunisme nampaknya telah bercampur aduk. Dengan itu, orang Melayu di Tanah Melayu melihat dengan kebimbangan. Ini kerana mereka yang terlibat adalah orang Cina dan kebanyakannya pengganas dalam hutan juga adalah orang Cina. Keadaan ini meningkatkan lagi syak wasangka orang Melayu terhadap kesetiaan orang Cina di Tanah Melayu.

Untuk meredakan kebimbangan penduduk Tanah Melayu, Pesuruhjaya Tinggi Henry Gurney mengumumkan dalam perjumpaan di Majlis Perundangan Persekutuan di Kuala Lumpur pada 15 November 1949:

It is important to see clearly that whatever the situation in China may be – and that is a matter for the Chinese people – the Communists in Malaya have put themselves out of court by attempting, as a small and mostly alien minority, to impose their will on this country by force and by gangster method. Nothing that may happen in China will weaken the determination of the people of this country to eliminate militant communism here; rather will their efforts be strengthened.⁴³

Tujuan beliau ialah untuk mengurangkan rasa kebingungan masyarakat. Ini kerana beliau percaya bahawa dengan usaha yang telah dan akan dilakukan serta sokongan daripada penduduk, negara dapat menewaskan anasir-anasir negatif yang berhajat untuk menguasai penduduk dan negara ini. Pada masa yang sama, pihak kerajaan menegaskan bahawa walaupun Britain mengakui kerajaan komunis di China, namun tidak akan mengubah pendirian kerajaan terhadap pengganasan komunis di Tanah Melayu. Sebaliknya, penentangan terhadap pengganas komunis akan diteruskan sehingga mereka dihapuskan.⁴⁴ Dalam hal ini, Tan Cheng Lock tidak menganggap China Komunis sebagai satu ancaman besar kepada situasi di Tanah Melayu. Ini kerana beliau berpendapat bahawa komunis di China akan mengambil masa yang panjang untuk mengukuhkan kedudukannya dan menyelesaikan masalah dalaman daripada berhubung dengan komunis Tanah Melayu.⁴⁵

Selain itu, terdapat faktor lain yang turut mempengaruhi hubungan kaum pada zaman darurat. MCA melalui aktiviti penjualan loteri kebajikannya telah mengumpulkan sejumlah wang untuk memberi bantuan dan menjaga kebajikan di kampung baru Cina.⁴⁶ Pada Julai 1952, MCA juga mengambil keputusan untuk menawarkan sejumlah \$500,000 dengan tujuan memperbaiki kehidupan dan keadaan ekonomi orang Melayu.⁴⁷ Tawaran itu menimbulkan kemarahan di kalangan orang Melayu kerana mereka tidak sanggup dibeli oleh orang Cina dengan jumlah wang tersebut. Terdapat juga sesetengah orang Melayu menyatakan mereka tidak harus menikmati keuntungan daripada jualan loteri kebajikan MCA yang dilarang dalam agama Islam.⁴⁸ Di pihak yang lain pula, bantuan MCA itu dilihat mempunyai muslihat politik.⁴⁹ Oleh itu, tawaran MCA ditolak oleh orang Melayu dan MCA pun menarik balik tawaran tersebut. Namun demikian, tindakan itu menggalakkan lagi perselisihan di antara dua komuniti berkenaan.

Keadaan tersebut dirumitkan lagi dengan pengenalan Ordinan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1953. Ordinan ini diperkenalkan dengan tujuan mengumpulkan wang yang diperlukan untuk Tabung Khas Pembangunan Pendidikan. Tabung tersebut diadakan untuk membayai sekolah dan guru serta menyediakan kemudahan pendidikan kebangsaan untuk semua kanak-kanak di Tanah Melayu.⁵⁰ Ordinan ini mengkehendaki semua perniagaan di Tanah Melayu membuat bayaran pendaftaran dan pelesenan setiap tahun. Setiap persatuan perniagaan di kawasan bandar dikehendaki membayar \$100 setahun, manakala bagi setiap persatuan perniagaan di kawasan luar bandar pula dikenakan bayaran \$25 setiap tahun.⁵¹ Ia ditentang oleh ahli-ahli Cina dalam Majlis Perundangan Persekutuan dengan pendapat bahawa wang untuk pendidikan sepatutnya datang dari hasil kerajaan. Mereka juga berpendapat bahawa Ordinan itu membebankan peniaga dan menjadi masalah besar kepada peniaga kecil. Peniaga kecil akan menjadi mangsa pengenalan Ordinan itu.⁵²

Penanam padi, pekebun, pemilik kebun getah dan ramai lagi yang mempunyai kepentingan dalam industri luar bandar juga terlibat dalam Ordinan ini. Keadaan itu bermaksud harga komoditi asas seperti beras, sayur dan bahan makanan lain juga akan meningkat dengan tingginya.⁵³ Akibat daripada bantahan ini, sebuah jawatankuasa dilantik untuk memeriksa rang undang-undang dan melaporkan kepada Majlis Perundangan Persekutuan. Jawatankuasa mencadangkan bahawa untuk meringankan beban, undang-undang itu tidak akan meliputi peniaga kecil, nelayan, petani kecil dan mereka yang bekerja sendiri dalam perniagaan atau penanaman yang kecil-kecilan.⁵⁴ Walau bagaimanapun, rang undang-undang itu masih tidak mendapat persetujuan daripada ahli-ahli Cina. Akibatnya, suatu pemindaan jadual dibuat oleh Kolonel H.S. Lee,⁵⁵ bahawa \$100 dibayar oleh setiap persatuan dalam perniagaan di kawasan bandar harus diturunkan kepada \$100 bagi persatuan yang pertama, \$50 bagi persatuan kedua, \$40 untuk ketiga dan sehingga \$10 untuk persatuan yang keenam serta setiap persatuan tambahan. Pindaan ini juga tidak berjaya dengan 17 menyokong, 44 menentang dengan 7 berkecuali dalam perbincangan di Majlis Perundangan pada 8 Januari 1953.⁵⁶ Dalam persidangan tahunan Dewan Perniagaan Cina Tanah Melayu di Kuala Lumpur pada 25 Januari 1953, suatu keputusan sebulat suara diluluskan membantah rang undang-undang itu dan disifatkan sebagai “penindasan ke atas kelas peniaga”.⁵⁷ Dewan itu, selanjutnya mencadangkan penyelesaian dengan mengumumkan harta sebagai tanda bantahan. Walau bagaimanapun, pengerusinya, Kolonel H.S. Lee, mengingatkan dalam mesyuarat itu bahawa harta yang diadakan akan menyebabkan kerugian yang besar.⁵⁸ Pihak kerajaan kemudian menyatakan bahawa perkara itu akan dipertimbangkan semula sebagai cara menenteramkan keadaan di kalangan orang Cina di Tanah Melayu.⁵⁹ Dalam perkara ini, jelas memperlihatkan usaha orang Cina untuk melindungi kaumnya yang ramai terlibat dalam perniagaan. Lebih-lebih lagi bayaran itu adalah untuk skim sekolah

kebangsaan⁶⁰ yang sememangnya kurang dipersetujui oleh orang Cina tetapi diterima baik oleh orang Melayu. Sikap negatif orang Cina terhadap Ordinan ini menimbulkan ketidaksenangan hati orang Melayu yang sememangnya menyokong penubuhan sekolah kebangsaan.

Di samping itu, kesedaran orang Melayu terhadap penguasaan ekonomi oleh orang Cina juga menimbulkan ketegangan antara dua kaum itu. Menurut anggapan tradisional, orang Melayu memegang kuasa politik, manakala orang Cina menguasai ekonomi. Tetapi pada tahun 1950-an, hak kerakyatan kepada orang Cina telah dilonggarkan yang menyebabkan secara politiknya, mereka mempunyai kuasa yang lebih daripada sebelumnya dan disokong oleh kekuatan mereka dalam ekonomi. Mereka juga merupakan sekutu yang berpengaruh dalam gabungan Perikatan yang dibentuk pada tahun 1952. Namun begitu, penguasaan orang Cina dalam ekonomi Tanah Melayu tidak berubah atau berkurangan. Di pihak yang lain, orang Melayu berasa tidak senang hati dengan kedudukan ekonom mereka. Ini kerana berlaku peningkatan dalam kuasa politik orang Cina tanpa pengurangan dan kawalan mereka terhadap ekonomi. Manakala orang Melayu mendapati tiada perkembangan dalam bahagian ekonomi mereka yang kecil-kecilan itu dan kekuatan politik mereka secara bandingannya pula terhakis. Tanggapan ini mengeruhkan hubungan antara kedua-dua kaum, maka lahirlah perasaan kebimbangan, ketakutan, ketidakpercayaan dan pertentangan di antara mereka. Dengan itu, boleh dikatakan ekonomi adalah salah satu masalah dalam hubungan perkauman di Tanah Melayu.

Untuk meredakan api perkauman yang telah bersemarak sejak pemerintahan Jepun dan menjadi semakin serius semasa darurat, beberapa usaha dijalankan. Antaranya, Malcom MacDonald,⁶¹ Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara, mencadangkan pemimpin kaum di Tanah Melayu membentuk sebuah jawatankuasa untuk menyelesaikan

konflik antara kaum ketika negara sedang menghadapi pemberontakan komunis. Hasilnya, melalui usaha Dato' Onn bin Jaafar⁶² dan pemimpin kaum lain seperti Tan Cheng Lock dan E.E.C. Thuraisingham,⁶³ CLC dibentuk pada tahun 1949. Penubuhan CLC telah merangsang satu arah aliran baru dalam keharmonian kaum di Tanah Melayu. Selain itu, British menggalakkan orang Cina menubuhkan MCA dengan tujuan untuk memperjuangkan kepentingan orang Cina dan juga mengelakkan mereka daripada terlibat dalam pergerakan komunis. Pada masa yang sama, MCA juga dibentuk agar dapat merapatkan jurang antara kaum di Tanah Melayu, khasnya antara orang Cina dengan orang Melayu. Dalam pada itu, pembentukan Perikatan UMNO-MCA pada tahun 1952 untuk menghadapi pilihanraya dan Perikatan UMNO-MCA-MIC untuk tujuan pilihanraya Persekutuan tahun 1955 turut memperlihatkan adanya usaha ke arah kerjasama antara kaum di Tanah Melayu. Dengan itu, boleh dikatakan darurat telah menyedarkan kerajaan British dan pemimpin Tanah Melayu untuk mengambil langkah meredakan ketegangan antara kaum di Tanah Melayu.

Jawatankuasa Hubungan Kaum (*Communities Liaison Committee/CLC*)

Dalam proses menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan, British menyedari bahawa kerjasama antara pemimpin kaum adalah penting untuk membawa kestabilan negara. Pada masa yang sama, British sedar bahawa hubungan tegang antara orang Melayu dan bukan Melayu telah wujud sejak zaman pendudukan Jepun, seterusnya pengenalan rancangan *Malayan Union* dan Persekutuan Tanah Melayu. Begitu juga, British mengakui bahawa kerjasama antara kaum diperlukan dalam menghadapi pemberontakan komunis di Tanah Melayu. Di samping itu, penduduk Tanah Melayu harus disedari bahawa Tanah Melayu hanya akan dapat status berkerajaan sendiri sekiranya kerjasama antara tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India dapat

diwujudkan. Pada Ogos 1948, Dato' Onn Jaafar mendapat jemputan ke jamuan makan daripada Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral Asia Tenggara. Dalam jamuan itu, Malcolm MacDonald mencadangkan agar Dato' Onn Jaafar berunding dengan pemimpin bukan Melayu bagi mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah hubungan kaum di Tanah Melayu. Tanda bekerjasama untuk masa depan antara komuniti Cina dengan Melayu bermula dengan pertemuan yang diadakan di rumah Dato' Onn Jaafar di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, Johor pada 29 Disember 1948. Antara orang terkemuka yang hadir ialah Dato' Tan Cheng Lock, Dato' Khoo Teik Ee,⁶⁴ Yong Shook Lin,⁶⁵ E.E.C. Thuraisingham dan Roland Braddell⁶⁶ (Penasihat Undang-undang UMNO) dari Tanah Melayu; C.C. Tan, S.Q. Wong, Lim Han Hoe, Thio Chan Bee, Lee Kong Chian dan Tan Chin Tuan dari Singapura. Malcolm MacDonald dijemput sebagai tetamu kehormat.⁶⁷ Sebulan kemudian, pada 9 Januari 1949 Dato' Onn Jaafar menganjurkan satu perbincangan di *Lunar Club*, Pulau Pinang. Dato' Onn Jaafar, Tan Cheng Lock, E.E.C. Thuraisingham, Dato' Panglima Bukit Gantang,⁶⁸ Yong Shook Lin, Roland Braddell, Dr. Mustapha b. Osman, Lee Tiang Keng,⁶⁹ Salleh Hakim, C.C. Tan, Zainal Abidin b. Haji Abbas⁷⁰ dan MacDonald telah bertemu dan bertukar-tukar fikiran bagi mengatasi masalah pergeseran politik antara kaum.⁷¹ Hasil pertemuan itu melahirkan Jawatankuasa Muhibah Sino-Melayu (*Sino-Malay Goodwill Committee*) yang menjadi badan untuk mengadakan kerjasama antara berbagai ras di Tanah Melayu. Ia bertujuan untuk membolehkan pemimpin berbagai kaum duduk membincangkan punca perselisihan antara kaum dan mencari jalan penyelesaian agar dapat mewujudkan kesefahaman yang lebih baik antara kaum di Tanah Melayu.⁷² Keahliannya mengandungi lima orang Melayu dan empat Cina. Wakil Melayu ialah Dato' Onn Jaafar (Menteri Besar Johor dan Presiden UMNO), Dato' Panglima Bukit Gantang (Menteri Besar Perak), Salleh Hakim (ahli Majlis Perundangan Negeri Selangor), Dr. Mustapha Osman (ahli Jawatankuasa Kerja UMNO dan juga

pemimpin Melayu Kedah) dan Zainal Abidin bin Haji Abbas (Setiausaha Agung UMNO). Wakil Cina terdiri daripada Dr. Lee Tiang Keng (Pulau Pinang), C.C. Tan (Singapura), Yong Shook Lin (Selangor) dan Tan Cheng Lock (Melaka). Ahli lain termasuklah Roland Braddell dan E.E.C. Thuraisingham yang menjadi Pengurus Jawatankuasa. Malcolm MacDonald bersetuju bertindak sebagai Pegawai Perantara kepada Jawantankuasa berkenaan.⁷³ Jawatankuasa ini menggabungkan semua tenaga utama pemimpin masyarakat Melayu dan Cina. Kemudian, kerajaan British turut melibatkan pemimpin Ceylon, Euraisan dan India di dalam Jawatankuasa ini. Melalui Jawatankuasa ini, pemimpin tempatan dengan naungan British duduk berunding mencari formula terbaik bagi menjamin suasana politik yang stabil bagi Tanah Melayu. Keanggotaan Jawatankuasa ini juga menggambarkan penduduk Tanah Melayu dibentuk oleh berbagai kaum. Penubuhan Jawatankuasa ini menandakan masyarakat Cina mula menerima tanggungjawab mereka terhadap negara ini dan bahawa orang Melayu bersedia untuk bekerjasama dengan orang Cina. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan suatu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muhibah Sino-Melayu selepas persidangan yang diadakan pada Mac 1949:

There is a tradition of friendly relations between these various communities. The future peace and progress of Malaya depends partly on continued goodwill between them. In an age when the citizens of Malaya are to assume even greater responsibilities in the government of their own affairs, it is imperative that close understanding and cordial co-operation should exist between them all. Disunity would cause weakness whilst unity will give strength to the new Malaya.⁷⁴

Dato' Onn Jaafar dan pemimpin Melayu mengakui kepentingan orang Cina dalam ekonomi Tanah Melayu dan kerjasama mereka dalam meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan akhbar yang dibuat oleh Jawatankuasa di Ipoh, Perak, pada 15 Mac 1949. Mereka sebulat suara bersetuju bahawa:

It is the agreed view of this committee that, in the common interest of all in Malaya, it is of paramount importance that the non-Malays shall make every endeavour to co-operate amongst themselves and with the Malays to improve the economic position of the Malays, so that they – the Malays – can take their rightful and proper place and share fully in the economic life of Malaya.⁷⁵

Pemimpin Cina pula bersetuju dengan kepentingan orang Melayu dalam politik Tanah Melayu. Oleh itu, mereka berpendapat kedua-dua kaum patut bekerjasama bagi memajukan Tanah Melayu.

Jawatankuasa Muhibah itu kemudian ditukarkan kepada CLC pada April 1949 berikutan penambahan ahli dari komuniti lain selain Melayu dan Cina.⁷⁶ Objektif CLC dilaporkan dalam akhbar *The Straits Times*, 16 April 1949 dan *Indian Daily Mail*, 28 September 1949 seperti berikut:

... the creation of a united Malaya would be the main object of the committee, its other immediate objects would be to study inter communal relationships, to adjust economic, social and political standards to ensure reasonable and proportionate parity and contentment to all communities, and to create harmony and goodwill among the permanent residents of Malaya.⁷⁷

Dalam kata lain, CLC dibentuk untuk memelihara persefahaman yang baik antara komuniti dan mencadangkan cara bagi mengukuhkan dan meningkatkan hubungan kaum. Moto CLC ialah “Kesamaan dan Keadilan Untuk Penduduk Malaya” (*Equality and Justice For The People of Malaya*).⁷⁸ Malahan dalam laporan kerajaan, CLC disifatkan sebagai badan separa rasmi yang paling berpengaruh di Tanah Melayu yang mewakili semua kaum utama negara ini.⁷⁹ Secara umumnya, CLC wujud sebagai satu hasil ke arah mewujudkan kerjasama antara kaum di samping mencari penyelesaian dalam soal perkauman. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan terdapat campur tangan British dalam CLC, melalui Malcolm MacDonald menjadi penasihat utama CLC.

CLC berjumpa di Johor Bahru, Johor pada 14, 15 dan 16 September 1949. Ahli-ahli Jawatankuasa membincangkan masalah yang bangkit antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Perjumpaan itu menghasilkan satu memorandum yang mengandungi lima

pandangan dan diterbitkan pada 18 September 1949. Isi kandungan lima pandangan berkenaan merangkumi:

- (a) The aim in the Federation of Malaya was self-Government and sovereign status, with a Malayan nationality for the citizen therein;
- (b) As a first towards that end preparation should be made for the introduction of elections to the various legislatures in the Federation, as soon as practicable in the light of local conditions in each case;
- (c) So that experience of elections might be gained by stages, they should take place first in municipalities and such States and Settlements as were ready for them. Subsequently they should be introduced for the Federal Legislative Council, and as the preparation of the electoral law would necessarily take a considerable time, the present Legislature should give early consideration to the subject;
- (d) The franchise in elections should be based on Federal Citizenship, though this question should be settled finally in each case by the authorities concerned;
- (e) Malay and English should be taught as compulsory subjects in all Government and Government-aided primary schools.⁸⁰

Dengan itu, memorandum ini jelas menunjukkan pencapaian pendapat sebulat suara Jawatankuasa dalam tujuan untuk membangunkan suatu bangsa Tanah Melayu yang bersatu padu pada ketika itu.

CLC sedar bahawa untuk memperolehi kesetiaan segera penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu adalah melalui pendidikan bukan bercorak perkauman. Pendidikan ini menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Dalam hal ini, Jawatankuasa menyatakan:

Malay and English, which are two languages of the Federal Agreement, should be compulsory subjects . . . and elementary instruction in the Constitution given in those two languages when children are sufficiently advanced to understand what is being said.

Every encouragement should be given to the establishment of a steadily increasing number of Government or Government-aided schools where children of all races attend together, the medium of instruction being Malay and English. . .

As such schools increase communal schools should be progressively reduced.⁸¹

Akibat daripada cadangan CLC yang memaparkan keperluan mengadakan perubahan dalam sistem pendidikan, kerajaan melantik jawatankuasa untuk mengkaji keadaan pendidikan di Tanah Melayu. Pelantikan jawatankuasa ini seterusnya telah menimbulkan pertikaian berkaitan pendidikan di Tanah Melayu.⁸²

CLC membincangkan kedudukan ekonomi orang Melayu dan kemungkinan bantuan yang dapat diberi oleh orang Cina agar memperluaskan peluang penglibatan orang Melayu dalam perindustrian dan perniagaan.⁸³ Dalam hal ini, CLC mencapai persetujuan bahawa perlu adanya kerjasama di antara orang bukan Melayu dengan orang Melayu dalam semua cara untuk meningkatkan keadaan ekonomi negara. Dengan itu, pada Mei 1949, CLC mencapai satu formula dalam membantu memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu. Formula itu merangkumi perkara berikut:

- (a) The government should subsidise Malay business ventures and set up trade schools to train the Malays in order to enable them to participate in the modern economic sector;
- (b) Certain industries should be opened to the Malays, such as the transport sector;
- (c) Preferential treatment should be given to the Malays in the allocation of educational and employment opportunities;
- (d) Non-Malay businessmen and employers should increase the proportion of Malay participation in all economic sector, such as tin-mining, rubber industries and retail trade.⁸⁴

Berikutnya, CLC mencadangkan kepada kerajaan agar menuahkan sebuah badan untuk meningkatkan keadaan ekonomi orang Melayu. Dengan demikian, *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA) dibentuk pada Ogos 1950 dengan Dato' Onn Jaafar sebagai penggerusi pertama.⁸⁵

Begini juga, CLC memberi perhatian kepada hubungan politik antara orang Melayu dengan bukan Melayu, seperti pengambilan orang bukan Melayu dalam perkhidmatan pentadbiran,⁸⁶ pengenalan pilihanraya tempatan dan berkerajaan sendiri serta kelayakan mereka menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. CLC tidak menetapkan tarikh pilihanraya diadakan dan pembentukan kerajaan sendiri bagi Tanah

Melayu, tetapi hanya mencadangkan pilihanraya akan diadakan sebaik sahaja keadaan negara bertambah aman. CLC berpendapat pengalaman pilihanraya berperingkat-peringkat penting dalam memandu penduduk Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.⁸⁷

Dalam soal kerakyatan, anggota bukan Melayu dalam CLC mencadangkan supaya kerakyatan berdasarkan *jus soli*, iaitu kerakyatan berdasarkan kelahiran harus diberi kepada orang bukan Melayu yang dilahirkan di Tanah Melayu. Perkara ini dapat dilihat melalui satu persetujuan yang dicapai dalam CLC pada awal tahun 1950, memutuskan bahawa:

... the *jus soli* should be introduced forthwith in each of the Malay states, so that all persons of Asiatic or Eurasian parentage who are born in that state, are thereby entitled . . . [to them to become] Federal Citizens under the terms of the present Federal constitution . . .⁸⁸

Akhirnya, CLC bersetuju bahawa mereka yang menumpukan taat setia sepenuh kepada Tanah Melayu dan menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap itu layak memperolehi hak kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu. Kompromi ini tercapai kerana pemimpin kaum dalam CLC sedar bahawa hak kerakyatan kepada orang bukan Melayu adalah penting bagi memastikan mereka menyokong kerajaan dan bekerjasama dengan penduduk Melayu dalam menangani PKM. Ini menyebabkan peningkatan peratusan orang Cina yang menjadi warganegara Tanah Melayu dari 24% pada tahun 1950 kepada lebih kurang 50% pada tahun 1953.⁸⁹

Di sini, jelas memperlihatkan terdapat tawar-menawar dan tolak-ansur antara orang Melayu dan bukan Melayu sebelum sesuatu keputusan diambil berkenaan isu pendidikan, masalah ekonomi orang Melayu dan syarat kerakyatan dalam usaha memperbaiki hubungan antara kaum di Tanah Melayu pada zaman darurat.

Secara luarannya, CLC terdiri daripada sekumpulan “manusia untuk kebajikan” daripada komuniti berlainan di Tanah Melayu, bekerja secara bebas untuk mencadangkan

penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh negara.⁹⁰ Bagaimanapun, terdapat bukti bahawa CLC lebih merupakan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh kerajaan British dan mereka lah pihak yang memainkan peranan dominan di belakang pembentukannya dan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jawatankuasa berkenaan. Yang paling jelas sekali pembentukan CLC adalah disokong oleh Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara sebagai ‘jambatan’ antara pemimpin Melayu dari UMNO yang telah berjaya dalam memperjuangkan perlembagaan baru (Persekutuan Tanah Melayu) dan pemimpin Cina serta pemimpin bukan Melayu lain yang tidak puas hati kerana gagal dalam menegakkan kepentingan mereka. MacDonald sendiri menghadiri semua perjumpaan yang diadakan oleh CLC. Melalui itu, beliau dapat memastikan bahawa keputusan Jawatankuasa tidak melencung dari had yang dibenarkan oleh pihak British. Selain itu, semua mesyuarat Jawatankuasa diadakan di bilik peribadi seseorang seperti rumah Gabenor Jeneral di Johor Bahru, tempat kediaman Pesuruhjaya Tinggi British, Kuala Lumpur dan Rumah Kerajaan di Pulau Pinang.⁹¹ Dengan demikian, boleh dilihat bahawa CLC lebih merupakan hasil ciptaan kerajaan British. Percubaan untuk memupuk persefahaman dan kerjasama antara kaum adalah satu tindakan yang lahir akibat daripada suasana politik yang disebabkan oleh pemberontakan bersenjata komunis di Tanah Melayu. Ini adalah kerana kerajaan British memerlukan bantuan peniaga Cina untuk memperkenalkan sebuah organisasi politik Cina yang akan mengalihkan sokongan orang Cina daripada komunis. Namun begitu, kerajaan tidak boleh bertindak memihak kepada satu golongan sahaja dalam negara ini kerana tindakan itu adalah merbahaya dan akan dilihat oleh orang Melayu serta pemimpin UMNO sebagai tidak melindungi kepentingan mereka di Tanah Melayu. Dengan itu, dapat merumitkan lagi hubungan kaum yang telah wujud di Tanah Melayu selama ini. Dengan demikian, CLC dapat menyediakan saluran di mana melaluiinya kelainan di antara pemimpin dan

masyarakat dapat diselesaikan. Keadaan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa CLC terbentuk kesan daripada satu keadaan perkauman yang menjadi semakin tegang semasa darurat. Tambahan pula, kerajaan British sedar bahawa dengan tamatnya pemberontakan bersenjata komunis, konflik kaum di kalangan komuniti yang berlainan akan menjadi satu bencana. Dengan segala sumber fizikal dan kewangan telah digunakan dalam perang menentang komunis, kerajaan tidak lagi mampu untuk mengendalikan dengan jayanya sebarang masalah di kalangan kaum yang berbeza di Tanah Melayu. Oleh itu, satu penyelesaian harus dicari untuk menghapuskan perbezaan yang wujud di kalangan kaum di Tanah Melayu. Dengan itulah, CLC dibentuk bagi tujuan tersebut. Di pihak British, CLC berusaha dalam mewujudkan satu bangsa yang harmonis, bersatu dan demokratik sebagaimana yang diucapkan oleh Malcolm MacDonald melalui siaran radio pada 6 Januari 1950.⁹² CLC sebenarnya adalah percubaan pertama pihak British untuk mendapatkan kerjasama daripada penduduk melalui pemimpin mereka dan boleh dianggap sebagai satu alternatif kepada komunis di Tanah Melayu.

Dalam pada itu, penubuhan CLC membawa kesedaran politik yang semakin meluas dan timbulnya pertubuhan politik baru. Antaranya, MCA, *Pan-Malayan Labour Party*, *Independence of Malaya Party* (IMP),⁹³ *People's Progressive Party* (PPP), *Malayan Muslim Party*, *Parti Negara* dan MIC.⁹⁴ Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa daruratlah yang mempercepatkan penubuhan sebuah organisasi dengan tujuan untuk memperbaiki hubungan antara kaum, khasnya antara orang Melayu dengan Cina supaya dapat bekerjasama dan bersatu padu untuk memulihkan keadaan di Tanah Melayu. Ini membawa kepada kemunculan CLC. Dengan itu, CLC dapatlah dikatakan sebagai hasil atau kesan serta-merta akibat daripada suasana darurat di Tanah Melayu. Secara tidak langsung, penubuhan CLC turut menggiatkan kesedaran politik di kalangan pemimpin kaum bahawa mereka boleh berkongsi kepentingan dan membentuk hala tuju

yang sama, iaitu membawa Tanah Melayu ke arah kemerdekaan serta membina sebuah kesatuan negara bangsa. Keadaan ini mencorakkan lagi perkembangan politik di Tanah Melayu pada zaman darurat.

Selain itu, usaha lain juga diadakan untuk memupuk keyakinan dan kerjasama antara kaum. Antaranya, dicadangkan *Good Neighbour Council Scheme* diadakan sebagai percubaan di mukim Masai dan Seram di Muar, Johor. Setiap mukim mempunyai *Good Neighbour Council* masing-masing. Ia dianggotai oleh wakil daripada setiap kumpulan kaum di kawasan itu. Sementara itu, di Selangor, *Sino-Malay Good Relationship Committee* dibentuk di Kampung Sungai Lui, berdekatan Hulu Langat di selatan Selangor. Terdapat kira-kira 3,000 orang Melayu dan 1,000 orang Cina menetap di kawasan berkenaan di Selangor. Tujuan utama pembentukan Jawatankuasa itu ialah memupuk kesefahaman dan persahabatan yang erat antara orang Melayu dan Cina di kampung berkenaan. Ia adalah sebuah organisasi yang bukan bercorak politik.⁹⁵ Di samping itu, Tan Cheng Lock juga mencadangkan penubuhan Liga Sino-Melayu. Ia bertujuan agar pemimpin Melayu dan Cina dapat bersemuka selalu dan bekerjasama dalam semua perkara. Dengan itu, dapat meningkatkan hubungan dan kesefahaman antara satu sama lain.⁹⁶ Dalam hal ini, Tan Cheng Lock mengatakan penduduk negara ini tidak harus dibenarkan tinggal berasingan. Sebaliknya, mereka patut disatukan supaya hidup bermasyarakat dan bekerjasama sebagai satu bangsa.⁹⁷ Cadangan ini mendapat sokongan kuat daripada Ahmad Boestaman,⁹⁸ Presiden Parti Rakyat. Beliau mengatakan Liga Sino-Melayu dapat menyediakan satu “jambatan emas” untuk menyatukan orang Melayu dan Cina, meningkatkan persefahaman dan kerjasama supaya hidup dalam keadaan harmoni.⁹⁹

Malayan Chinese Association (MCA)

Pembentukan MCA adalah strategi politik baru bagi melibatkan orang Cina dalam usaha membanteras pengaruh komunis di Tanah Melayu. Dengan itu, secara tidak langsung dapat mengurangkan ketegangan antara kaum di Tanah Melayu. Kerajaan British di Tanah Melayu sedar bahawa adalah sukar untuk menghapuskan PKM sekiranya kerajaan tidak mendapat sokongan dan kerjasama daripada penduduk, terutama kaum Cina. Orang Cina perlu disedarkan bahawa PKM bukanlah satu tempat pergantungan yang baik dan boleh dipertanggungjawabkan untuk mereka. Justeru itu, kerajaan cuba menggalakkan pemimpin Cina menubuhkan sebuah pertubuhan bagi mengalihkan perhatian orang Cina dari PKM dan kegiatan komunis. Keadaan ini dapat dilihat melalui memorandum mengenai *Problems Created By The Communist Successes In China* yang antara lain mencatatkan bahawa dalam usaha kerajaan mendapat sokongan kuat orang Cina, penubuhan MCA adalah amat digalakkan.¹⁰⁰ Dalam pada itu, setelah darurat diisyiharkan, orang Cina menyedari bahawa sebuah organisasi diperlukan untuk menjaga kepentingan mereka serta menyediakan kepimpinan sebagai alternatif kepada kepimpinan yang diberi oleh PKM. Ia juga perlu bertindak membersihkan nama orang Cina yang selalu dikaitkan dengan komunis. Keadaan ini dapat dicapai dengan menyatupadukan orang Cina di bawah MCA.¹⁰¹ Pada masa yang sama, pemimpin Cina di Tanah Melayu sedar bahawa UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar adalah satu pertubuhan yang kuat dan berpengaruh. Kejayaan UMNO menggagalkan rancangan *Malayan Union* menjadi contoh yang nyata. UMNO terus bergerak dengan cergas dan pengisytiharan darurat tidak menjaskan kegiatannya. Oleh itu, pemimpin masyarakat Cina merasakan mereka perlu bersatu dan mempunyai satu pertubuhan untuk menjaga dan memperjuangkan kepentingan mereka. Hal ini turut ditegaskan oleh Tan Cheng Lock dalam mesyuarat pertama penubuhan MCA pada 27 Februari 1949.¹⁰² Sebab lain ialah

pengisytiharan darurat dan pengharaman PKM serta pembubaran organisasi lain yang berkaitan telah menimbulkan kekosongan dalam bidang politik Cina. Buat kali pertama sejak perang, kepimpinan yang disediakan oleh PKM telah terhapus. Para peniaga Cina melihat penubuhan MCA adalah peluang untuk mendapat kembali kedudukan yang telah mereka perolehi sebelum perang tetapi hilang semasa pendudukan Jepun. Inilah yang difikirkan oleh para peniaga apabila mereka mengambil keputusan untuk memperkenalkan sebuah organisasi di bawah pimpinan mereka yang akan menyediakan suatu alternatif kepada PKM.

Pembentukan MCA selalunya dirujukkan kepada jasa Tan Cheng Lock, presiden pertamanya.¹⁰³ Namun demikian, orang yang mula mencetuskan idea penubuhan MCA selain Tan Cheng Lock termasuklah Yong Shook Lin, Khoo Teik Ee, H.S. Lee dan Leong Yew Koh. Walau bagaimanapun, perlu diketahui orang yang memberi galakan terakhir untuk penubuhan organisasi ini adalah Pesuruhjaya Tinggi British, Henry Gurney.¹⁰⁴ Ia dimulakan pada satu majlis makan malam di rumah Yong Shook Lin pada 15 Disember 1948, Henry Gurney menggerakkan hati 16 ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif Persekutuan berbangsa Cina yang hadir agar membentuk sebuah pertubuhan untuk mewakili komuniti Cina dan sebagai suatu alternatif kepada PKM.¹⁰⁵ Henry Gurney juga menyatakan perlunya orang Cina mempunyai satu pertubuhan yang kuat seperti UMNO. Ini kerana sejak darurat diisytiharkan di Tanah Melayu, banyak pertubuhan politik berkaitan telah dibubarkan dan hanya UMNO sahaja yang masih bergerak aktif sebagai organ politik orang Melayu di Tanah Melayu. Kedudukan tersebut dilihat memberi ruang kepada PKM untuk mempengaruhi dan mengisi kekosongan yang wujud di kalangan orang Cina. Oleh itu, pemimpin Cina sedar bahawa sebuah pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan orang Cina harus ditubuhkan di Tanah Melayu. Galakan daripada Pesuruhjaya Tinggi dapat dilihat di mana surat dihantar pada

keesokan hari kepada semua pemimpin Cina yang penting menggariskan idea mengenai organisasi tersebut. Pihak British juga tidak mengabaikan peluang yang lahir akibat pengharaman PKM dan semua pertubuhan berhaluan kiri. Mereka tahu bahawa orang Cina tidak puas hati dengan kerajaan. Pada masa yang sama, PKM bukan sahaja membekalkan saluran di mana melaluiinya ketidakpuasan dijelaskan tetapi juga menyediakan kepimpinan kepada masyarakat Cina. Dengan itu, kerajaan British melihat adalah perlu untuk pembentukan sebuah organisasi politik Cina di bawah golongan peniaga Cina yang pro-British. Organisasi tersebut dapat bertindak sebagai alat untuk menjauhkan orang Cina daripada sokongan PKM dan untuk mendapatkan kerjasama bagi kerajaan. Di bawah tajaan 16 peniaga Cina yang juga wakil kaum Cina di Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif Persekutuan, MCA dibentuk pada 27 Februari 1949.¹⁰⁶ Negeri-Negeri Melayu kecuali Kelantan menghantar wakil masing-masing untuk menunjukkan sokongan kepada pembentukan MCA. Perak menghantar 16 wakil, Pulau Pinang empat wakil, Kedah dan Perlis lima wakil masing-masing, Negeri Sembilan 11, Pahang tujuh, Johor 23, Terengganu dua wakil, Melaka lapan dan terdapat seramai 100 orang Cina dari Selangor yang hadir dalam mesyuarat rasmi penubuhan MCA pada 27 Februari 1949. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Ee Ewe Kim, ahli Majlis Perundangan Persekutuan dari Melaka.¹⁰⁷ Tan Cheng Lock, Yong Shook Lin dan Khoo Teik Ee dipilih sebagai presiden, setiausaha kehormat dan bendahari kehormat dengan sebulat suara.¹⁰⁸ Dalam majlis perasmian itu, Tan Cheng Lock menegaskan supaya diwujudkan persefahaman antara kaum agar negara ini dapat mencapai kemerdekaan. Dalam perkara ini, beliau mengatakan:

It is a matter of supreme significance and indispensable necessity that a basic purpose of this organisation must be the attainment of inter-communal understanding and friendship, particularly between Malays and Chinese. . . . the Chinese in Malaya have come to stay and must wake up and unite not only among themselves but also with the Malays

and other communities to make this land, which feeds nourishes and sustains us, one country and one nation.¹⁰⁹

Pada 18 Mac 1949, MCA menerbitkan kenyataan tentang objektif asasnya:

- (a) To promote and maintain inter-racial goodwill and harmony in Malaya;
- (b) To foster and safeguard the social, political, cultural and economic welfare of the Malayan Chinese by legal or constitutional means;
- (c) To promote and assist in the maintenance of peace and good order for the attainment of peaceful and orderly progress in Malaya;
- (d) Generally to do all such acts and things as may be incidental to or connected with or conducive to the attainment of any of the harmony in Malaya.¹¹⁰

Dengan itu, MCA adalah pertubuhan orang Cina yang dibentuk untuk mewakili kepentingan komuniti Cina. Pada masa yang sama, ia berusaha mencari penyelesaian dalam hal berkaitan pemisahan politik dan budaya orang Cina di Tanah Melayu. Penubuhan MCA juga bertujuan untuk memupuk dan memelihara hubungan mesra antara berbagai kaum di Tanah Melayu. Akhbar *Modern Daily News*, 31 Oktober 1949, melaporkan tujuan penubuhan MCA ialah mencapai kerjasama semua kaum untuk membentuk sebuah negara yang bebas dan merdeka, menikmati hak yang adil dan memikul tanggungjawab yang sama antara semua kaum di Tanah Melayu.¹¹¹ Malahan, pada Mac 1949, Tan Cheng Lock mengatakan tugas pertama MCA ialah bekerjasama dengan komuniti lain dan membantu kerajaan mencari jalan dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit serta memulihkan keamanan.¹¹² Dalam usaha memupuk perasaan muhibah antara kaum, Presiden MCA, Tan Cheng Lock menyeru ahli-ahli MCA supaya bangun dan bersatu bukan sahaja di kalangan komuniti Cina sendiri, malahan juga dengan orang Melayu dan kaum lain untuk menjadikan bumi ini satu negara dan satu bangsa.¹¹³ Beliau menggesa semua orang Cina bersepada untuk bekerjasama dengan kerajaan dan komuniti lain. Dengan adanya kerjasama antara semua kaum dengan kerajaan, negara akan dapat mengusir keluar komunis. Ini kerana, beliau sedar bahawa komunis bertujuan untuk memenuhi kehendak mereka sendiri dan bukan mengikut

keinginan penduduk negara ini. Perkara ini dapat dilihat dalam ucapan Tan Cheng Lock pada 13 November 1950:

Far from its being in the nature of a nationalist rising the Communist rebellion is endangering the freedom movement in Malaya. The Communist terrorism which is called the Emergency is the greatest single hindrance to the attainment of independence in this country. The brutal activities of these people are not contributing to the political welfare of this land or bringing nearer the day of responsible self-government. If the Communists could have their way this country would be governed by a Communist clique whose power would derive from the military strength of Russia and not from the will of the people.¹¹⁴

Jelas bahawa MCA cuba menggalakkan hubungan harmoni di kalangan penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu supaya dapat memelihara keamanan negara ini.

Dalam usaha mengurangkan kecurigaan orang Melayu terhadap penglibatan orang Cina dalam membanteras pengganas komunis di Tanah Melayu, MCA berusaha memujuk orang Cina menyertai pasukan keselamatan. Dengan itu, jurang hubungan antara kaum dapat dirapatkan. Dalam hal ini, MCA berusaha menarik perhatian penduduk Cina untuk penyertaan dalam pasukan keselamatan selaras dengan seruan kerajaan walaupun disedari ibubapa berada dalam keadaan tertekan akibat daripada langkah kerajaan itu. Ini kerana MCA sedar bahawa dasar itu akan mendatangkan keuntungan kepada orang Cina dan juga untuk kebaikan negara. Dalam hal ini, Presiden MCA, Tan Cheng Lock mengatakan:

I expressed the view that the call-up move was a step in the right direction in the sense that it could help to build up a Malayan or national consciousness, provided that those who were asked to shoulder sacrifices were given equal rights and privileges and not considered aliens under the citizenship laws.¹¹⁵

Apabila didapati bahawa belia keturunan Cina tidak begitu berminat untuk menjadi polis, MCA cuba menggalakkan mereka dengan memberi insentif. Antaranya, elauan khas kepada belia yang sedia berkhidmat dalam pasukan polis, pemberian hak kerakyatan kepada belia Cina setelah tiga tahun berkhidmat dalam pasukan polis dan bonus \$200 kepada setiap ahli baru yang berdaftar menjadi anggota polis.¹¹⁶

Selain itu, Jawatankuasa Kerja Pusat MCA menggesa semua cawangan MCA memberi bantuan kepada pihak berkuasa dalam merekrut anggota polis berbangsa Cina di kawasan masing-masing. Usaha lain yang dijalankan oleh MCA dapat dilihat melalui surat Thomas Hodge, Ketua Bahagian Filem Malaya kepada Lau Pak Khuan, MCA cawangan Perak. Surat bertarikh 30 Mei 1953 adalah berkenaan penayangan filem *Service For All* untuk menarik minat orang Cina menyertai pasukan keselamatan di Perak pada Jun 1953. Manakala dalam surat Woo Ka Lim,¹¹⁷ Setiausaha Agung MCA cawangan Perak kepada Pegawai Perhubungan, ibu pejabat MCA di Kuala Lumpur, Yap Yin Chung, bertarikh 27 Mei 1953, menyentuh dua perkara yang diatur untuk kempen pengambilan kakitangan pasukan keselamatan. Pertama, membuat ucapan di radio berkenaan perkhidmatan polis oleh Lau Pak Khuan. Kedua, meminta supaya Unit Filem Malaya menghantar filem berkaitan polis untuk ditayangkan di panggung wayang di Perak.¹¹⁸ Dalam usaha untuk menambah jumlah penyertaan orang Cina dalam pasukan polis pula, MCA bercadang untuk membantu mengeluarkan seramai dua ribu orang rekrut Cina setahun. Dalam cadangannya itu, MCA cuba mendapatkan secara purata 175 orang rekrut polis Cina setiap bulan dari seluruh Persekutuan.

Selain itu, MCA juga menggalakkan penyertaan orang Cina dalam pasukan *Home Guard*, terutamanya bagi menjaga kampung mereka daripada ancaman pengganas komunis. Untuk tujuan itu, MCA menggerakkan jentera publisiti dan propaganda ke seluruh Persekutuan untuk menyeru orang Cina supaya mendaftarkan diri menyertai pasukan *Home Guard*. Kesan daripada kerja keras MCA itu pada dasarnya telah memberi hasil yang menggalakkan. Ini terbukti dengan penambahan bilangan ahli kaum Cina dalam *Home Guard* secara mantap. Pada penghujung tahun 1950, hanya terdapat 3,500 orang atau 11.6% ahli kaum Cina daripada jumlah 30,000 *Home Guard* di Tanah Melayu. Namun demikian, menjelang pertengahan tahun 1953, jumlah ini meningkat kepada

79,587 orang atau 32.53% daripada jumlah 244,645 orang *Home Guard*. Pada September 1954, 129 daripada 323 buah kampung baru diletakkan di bawah pertahanan *Home Guard* Cina.¹¹⁹

Semasa Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat dilancarkan pada Februari 1950, MCA turut berperanan penting dalam menyeru orang Cina agar menyertai kempen tersebut. Seluruh jentera organisasi MCA dari peringkat pusat sehingga ke peringkat cawangan memainkan peranan aktif dalam kempen tersebut. Di Negeri Sembilan, umpamanya, 31 cawangan MCA telah mengambil keputusan untuk membantu menjayakan kempen tersebut dengan menyebarkan risalah kepada penduduk.¹²⁰ Sukarelawan MCA menjalankan kempen dari rumah ke rumah di kawasan yang mempunyai ramai penduduk Cina. Pemimpin MCA pula membuat ucapan dan seruan kepada kaum Cina dan ia disiarkan dengan meluas melalui radio. Antaranya, Tan Cheng Lock menyeru orang Cina supaya menunjukkan taat setia terhadap negara ini dan menjadi sukarelawan Bulan Rakyat Melawan Penjahat agar darurat dapat ditamatkan seawal mungkin.¹²¹ Pada dasarnya, MCA bergerak sepenuh dalam membantu kerajaan untuk menarik penyertaan dan penglibatan orang Cina dalam Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat. Tindakan ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat bahawa orang Cina turut terlibat dalam kempen membanteras komunis. Dengan itu, secara tidak langsung dapat mengurangkan syak wasangka kaum lain terhadap kesetiaan orang Cina dan dapat memupuk kerjasama antara orang Cina dengan penduduk lain di Tanah Melayu.

Berdepan dengan masalah belia Cina meninggalkan Tanah Melayu apabila Peraturan Tenaga Manusia diperkenalkan pada Disember 1950, MCA menyeru orang Cina supaya tidak mlarikan diri daripada tanggungjawab mempertahankan negara daripada ancaman pengganas komunis. Dalam hal ini, Tan Cheng Lock sebagai Presiden MCA, memberitahu komuniti Cina bahawa kerajaan mempunyai kuasa dalam meminta

orang Cina membentuk bilangan yang munasabah dalam pasukan keselamatan memandangkan mereka membentuk lebih kurang separuh daripada penduduk Tanah Melayu. Seterusnya, Tan Cheng Lock menyeru orang Cina menunjukkan kesetiaan dan kerjasama kepada negara ini dengan tidak menolak berkhidmat dalam pasukan keselamatan yang diminta oleh pihak kerajaan.¹²² Dengan itu, dapat dikatakan bahawa MCA cuba mengingatkan orang Cina terhadap tanggungjawab sebagai penduduk Tanah Melayu dan bekerjasama dengan kerajaan serta penduduk lain dalam menghadapi ancaman komunis. Tindakan ini menunjukkan MCA berusaha mengurangkan kecurigaan kaum lain ke atas orang Cina dan seterusnya dapat meningkatkan lagi hubungan antara kaum Cina dengan penduduk lain di Tanah Melayu.

Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan MCA berjaya memperbaiki hubungan antara orang Cina dengan kaum lain dan pihak kerajaan di Tanah Melayu. Ini berikutan dengan adanya usaha bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh pemimpin MCA dalam membawa kepada penyingkiran kesangsian terhadap kesetiaan orang Cina terhadap negara ini. Dengan itu, lahirlah kerjasama, kesefahaman dan saling mempercayai antara masyarakat Cina dengan pihak kerajaan dalam usaha membanteras kekejaman komunis. Keadaan ini pernah dinyatakan oleh Presiden MCA, Tan Cheng Lock:

The earnest efforts of the Chinese leaders in the Malayan Chinese Association have succeeded in removing any doubts about the loyalty of the great majority of the local Chinese to Malaya and in bringing about a better spirit of co-operation, confidence and trust between the Chinese Community and Government with a view to helping to end the Emergency speedily.¹²³

Antara tahun 1949 hingga 1952, tumpuan MCA adalah untuk memperbaiki imej buruk orang Cina akibat pemberontakan komunis dan membantu pihak pemerintah mendapatkan sokongan orang Cina dalam proses menamatkan darurat. MCA juga bertanggungjawab dalam merapatkan hubungan dan memupuk kerjasama antara orang

Cina dengan kaum lain yang amat diperlukan dalam proses menangani pengganas komunis di Tanah Melayu. Akhirnya, sokongan dan keyakinan orang Cina telah membolehkan MCA muncul sebagai sebuah parti politik mewakili orang Cina di Tanah Melayu. MCA muncul dalam gelanggang politik menjelang bulan Februari 1952 apabila ia turut bertanding dalam pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur bersama-sama dengan UMNO dan beberapa pilihanraya di peringkat tempatan dan negeri, yang akhirnya membawa Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Ia merupakan langkah kerjasama politik yang pertama antara UMNO dengan MCA dan antara kaum Melayu dengan kaum Cina. Sejak itu, MCA mewakili kepentingan kaum Cina dalam kerajaan. Ia menjadi alat untuk orang Cina menyuarakan hak politik mereka di Tanah Melayu dan juga menjalinkan kerjasama politik dengan kaum lain.

Perikatan UMNO-MCA-MIC

Pada awal tahun 1950-an, timbul kesedaran sebilangan pemimpin kaum di Tanah Melayu yang merasakan satu kerjasama politik antara kaum amat diperlukan bagi mengatasi masalah persaingan dalam penguasaan politik dengan komunis. Pada masa yang sama, British berpendapat bahawa sebarang percubaan oleh orang Melayu dan UMNO untuk memerintah sendiri negara ini akan mengakibatkan kecelaruan sosial dan ketidakstabilan politik. Ini kemudian membawa kepada persetujuan kerjasama UMNO-MCA selepas pilihanraya Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada Disember 1951¹²⁴ dan menjelang pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952. Seterusnya, formula kerjasama politik ini diperkuatkan dengan penyertaan MIC dalam perikatan UMNO-MCA pada Oktober 1954 ketika menjelang pilihanraya Persekutuan tahun 1955.¹²⁵ Keadaan ini wujud kerana UMNO, MCA dan MIC mula mencapai satu kesefahaman yang membolehkan parti perkauman itu bekerjasama bagi memperjuangkan

kemerdekaan Tanah Melayu. Pendekatan ini adalah perlu agar dapat menyingkirkan kesangsian di antara kaum di Tanah Melayu dan juga dapat menolong mengurangkan sebahagian daripada kecurigaan mengenai ketidakseimbangan politik, sosial dan ekonomi antara penduduk Tanah Melayu.

Pihak British menyedari pihaknya tidak boleh menamatkan darurat melalui strategi ketenteraan sahaja. British sedar bahawa penduduk seharusnya turut terlibat dan diberi peranan penting dalam proses menamatkan darurat. Justeru itu, British cuba mengurangkan kuasa politik serta pentadbiran dan memberikan tanggungjawab itu kepada penduduk Tanah Melayu. Langkah ini juga antara lainnya, bertujuan untuk menarik sokongan dan kerjasama penduduk dalam menentang pengganas komunis. Oleh itu, kerajaan British perlu melakukan sesuatu demi mendapat sokongan daripada mereka. Kerajaan memberi kuasa kepada penduduk Tanah Melayu memilih jenis kerajaan dan sistem politik yang mereka suka supaya dapat mengalihkan perhatian daripada kekuasaan PKM. Dengan itu, secara tidak langsung, penduduk dapat merasai bahawa mereka turut terlibat dalam proses pemerintahan. Dengan demikian, jelas bahawa darurat turut mempengaruhi corak perkembangan politik di Tanah Melayu.

Sebelum tahun 1952, UMNO dan MCA merupakan organisasi perkauman semata-mata yang mengabdikan dirinya untuk memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing. UMNO mempertahankan kepentingan kaum Melayu dan MCA pula memperjuangkan hak-hak orang Cina di Tanah Melayu. Oleh itu, apabila terbentuk Perikatan UMNO-MCA, orang Melayu dan Cina yakin bahawa penubuhan Perikatan itu semata-mata untuk menjamin kepentingan masing-masing. Tambahan pula, keputusan untuk membentuk Perikatan itu dipengaruhi oleh perasaan curiga dan kebimbangan di kalangan pemimpin UMNO dan MCA terhadap IMP, sebuah parti bukan perkauman yang telah menunjukkan hasratnya untuk memperjuangkan kepentingan kebangsaan dan bukan

kepentingan kaum. Persetujuan untuk membentuk Perikatan UMNO-MCA adalah hasil usaha yang dijalankan oleh Kolonel H.S. Lee, Yang Dipertua MCA cawangan Selangor¹²⁶ dengan Dato' Yahya bin Abdul Razak, Pengurus Jawatankuasa Pilihanraya UMNO cawangan Kuala Lumpur. Mereka membuat satu pengumuman bersama pada 8 Januari 1952 bahawa UMNO-MCA akan bertanding dalam pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada 16 Februari 1952 sebagai *a common non-communal, non-party basic.*¹²⁷ Untuk menyeru penduduk Tanah Melayu menyokong Perikatan UMNO-MCA, Kolonel H.S. Lee dalam ucapan radio pada 14 Februari 1952 menyatakan:

The UMNO-MCA alliance is the first attempt to promote inter-racial harmony both inside and outside the Municipal Council. You will agree that without inter-racial harmony there is bound to be friction which will hinder the smooth and efficient administration.¹²⁸

Beliau juga cuba menyakinkan penduduk Tanah Melayu dengan menjelaskan kepentingan membentuk Perikatan UMNO-MCA, sebagaimana ucapannya dalam kempen pilihanraya pada 13 Februari 1952:

The alliance [UMNO-MCA], as you all know, is the first attempt to have the Malay and Chinese leaders together and to work out the solution of the various problems that concern the inhabitants of this country.¹²⁹

Dalam pada itu, Tan Cheng Lock menerima baik pembentukan Perikatan kerana ia dapat mencapai kerjasama antara komuniti Melayu dan Cina, serta bersama-sama memikul tanggungjawab memimpin negara ke arah berkerajaan sendiri dan kemerdekaan. Dengan itu, lahirnya sebuah negara Tanah Melayu yang baru.¹³⁰

Oleh itu, bermula dari pilihanraya peringkat Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada 16 Februari 1952, UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA di peringkat negeri Selangor mula merasakan bahawa kerjasama antara dua parti politik ini boleh memberi faedah dari segi kejayaan dalam pilihanraya mahupun hubungan antara kaum. Dengan itu, timbul kesedaran di kalangan pemimpin UMNO dan MCA bahawa Perikatan tidak

dapat hidup lama jika mereka tetap bersifat perkauman. Sebaliknya, mereka harus bertolak-ansur agar persefahaman yang lebih baik dapat dibentuk di kalangan orang Melayu dan orang Cina. Berikutnya, UMNO dan MCA sedikit demi sedikit mulai kehilangan sifat perkaumannya yang asal. Akhbar *The Straits Times* menyambut baik pakatan UMNO-MCA dengan menyatakan:

. . . they [UMNO-MCA] are sincere in promoting a Malayan outlook and a Malayan nation let us have political platforms to fight for. The minorities will then join whichever party they wish according to their independent democratic opinion.¹³¹

Begitu juga, akhbar *Nanyang Siang Pau*, melaporkan gabungan UMNO-MCA bukan sahaja merupakan penyatuan parti politik perkauman tetapi juga penyatuan antara kaum di Tanah Melayu.¹³²

Bagaimanapun, pilihanraya pertama Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada 16 Februari 1952, dimenangi oleh Perikatan UMNO-MCA. Perikatan memperolehi sembilan daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. IMP berjaya mendapat dua kerusi dan sebuah lagi dimenangi oleh calon bebas.¹³³ Keputusan itu dilihat sebagai sesuatu yang menggalakkan oleh Tan Cheng Lock:

The remarkable victory of the UMNO-MCA alliance, . . . is a happy augury of the future success of Sino-Malay friendship, goodwill and co-operation and a positive indication and triumph of the principle, spirit and wisdom of non-communalism, Sino-Malay fraternity and inter-racial unity in our plural Malayan society. The significant movement to bring about closer and fruitful Sino-Malay co-operation is pregnant with great possibilities and vital to the cause of fostering the sentiment of Malayan nationhood and Malayan national consciousness and solidarity.¹³⁴

Perwujudan kerjasama UMNO-MCA dalam pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur merupakan satu kesinambungan dalam proses perubahan politik perkauman kepada tidak perkauman dan kerjasama antara kaum sejak pembentukan CLC. Hasil kejayaan Perikatan tersebut menandakan wujudnya kerjasama dan kesepakatan antara UMNO dan MCA dalam memperjuangkan matlamat yang sama, iaitu mendapatkan kemerdekaan dan

membina sebuah negara bangsa yang bersatu. Keputusan pilihanraya itu juga memperlihatkan kemungkinan politik antara kaum menjadi tumpuan penduduk Tanah Melayu di masa depan. Ini terbukti apabila idea penggabungan dan kerjasama antara parti terus diamalkan oleh tiga parti utama, iaitu UMNO, MCA dan MIC dalam menghadapi pilihanraya tahun 1955 secara bersama. Perikatan UMNO-MCA-MIC¹³⁵ mendapat kejayaan yang cemerlang dengan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955.¹³⁶ Kerusi tunggal yang gagal dimenangi oleh Perikatan di Krian, Perak, dimenangi oleh Tuan Haji Ahmad dari *Pan-Malayan Islamic Party/Parti Islam Se-Malaya* (PMIP/PAS).¹³⁷ 15 orang calon MCA bersama-sama dengan dua orang calon MIC, semuanya memenangi kerusi mereka biarpun dalam kawasan yang majoritinya Melayu. Kemenangan Perikatan menunjukkan aliran politik yang bukan bercorak perkauman telah lahir dan diterima di Tanah Melayu. Dengan kemenangan itu, Perikatan memperolehi bilangan wakil yang besar dalam Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan dan sekaligus melayakkan mereka menubuhkan kerajaan. Kemenangan ini membuka jalan yang lebih luas bagi Perikatan untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Berikutan dengan pilihanraya itu, komunis dalam hutan berada dalam keadaan dilema. Pihak komunis mendakwa bahawa mereka adalah pemimpin rakyat yang sebenarnya dan komunislah yang sentiasa mengambil berat tentang kepentingan penduduk serta berusaha mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Tetapi kekejaman komunis, peras ugut dan keganasan yang dilakukan oleh mereka selama tujuh tahun lepas dapat menjelaskan dakwaan mereka itu adalah dusta semata-mata.¹³⁸

Walaupun wujud kerjasama antara ketiga-tiga buah parti perkauman tersebut, ia secara dasarnya tidak mencerminkan bahawa unsur perkauman telah dapat dikikis dan hubungan antara kaum yang baik telah wujud. Unsur perkauman masih mewarnai senario

politik pada masa itu dan selepasnya. Perasaan perkauman bukanlah suatu masalah yang mudah untuk diselesaikan. Namun begitu, pada asasnya pengenalan pilihanraya, antara lain diakibatkan oleh suasana darurat telah menjadi asas dalam memulakan satu proses perpaduan dan kerjasama antara kaum untuk masa depan Tanah Melayu. Pilihanraya tahun 1955 merupakan pilihanraya umum yang pertama diadakan di seluruh Tanah Melayu. Pada tahun itu juga, tiga buah parti politik yang mewakili bangsa Melayu dan dua kaum lain di Tanah Melayu bersetuju menubuhkan satu perikatan dan menghadapi pilihanraya atas rancangan politik yang sama. Dalam pilihanraya itu, ketiga-tiga kaum utama telah bersatu untuk menentang kawalan orang asing ke atas negara mereka. Tujuan utama ialah berjuang untuk kemerdekaan Tanah Melayu daripada pemerintahan British dan membantu menambatkan ketiga-tiga kumpulan itu bersama. Perkembangan itu dapat dilihat sebagai suatu unsur yang mempercepatkan perubahan politik di Tanah Melayu dan membantu menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Nyatahalah bahawa darurat telah menutup peluang bagi penduduk Tanah Melayu untuk mencurahkan hasrat nasionalisme mereka dengan bebas tetapi melalui corak bekerjasama antara kaum. Peristiwa bersejarah itu akhirnya memberi keyakinan kepada British bahawa Tanah Melayu dapat mengatasi musuh utama, iaitu komunis kerana penduduknya telah menunjukkan kerjasama mereka. Dalam suasana inilah, Tanah Melayu menuntut dan British memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Ia boleh dikatakan sebagai sebahagian hasil persefahaman antara penduduk Melayu-Cina-India di Tanah Melayu dalam suasana wujudnya keadaan darurat. Pencapaian kemerdekaan merupakan satu pukulan yang hebat kepada PKM. PKM tidak dapat lagi menyeru sokongan dan simpati orang ramai dengan menggunakan dasar anti-penjajahan. Namun demikian, komunis terus menentang kerajaan Perikatan dengan mengatakan kemerdekaan yang dicapai itu tidak sepenuhnya dan Perikatan masih di bawah telunjuk kerajaan British. Walau

bagaimanapun, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pada tempoh darurat itu, Parti Perikatan telah menggunakan kesempatan sebaik mungkin dalam usaha untuk mempengaruhi orang ramai. Kemerdekaan pada tahun 1957 memperkuatkan lagi kedudukan Perikatan sebagai parti yang mendapat sokongan ramai di Tanah Melayu. Populariti Perikatan sekali lagi terbukti dalam pilihanraya kebangsaan yang diadakan pada tahun 1959. Perikatan berjaya memenangi 74 daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.¹³⁹ Dengan itu, darurat di Tanah Melayu diisyiharkan tamat pada Julai 1960.

¹ *The Malay Mail*, 12 November 1949, hlm. 1. Masalah kekurangan kerja di estet dan lombong pada zaman pendudukan Jepun juga menyebabkan orang Cina berpindah ke luar bandar. Mereka memulakan hidup sebagai petani atau mengusahakan penanaman sayur di kawasan luar bandar. Selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, terdapat sebilangan mereka kembali ke pekerjaan lama mereka di estet dan lombong yang dibuka semula. Namun demikian, kaum wanita masih ditinggalkan di kawasan luar bandar untuk menanam sayur dan tanaman lain. Report of The Perak State Squatter Committee, hlm. 2, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 758/49, Report of The Committee Appointed by His Excellency The High Commissioner To Investigate The Squatter Problem. Lihat juga Robert Thompson, *Defeating Communist Insurgency: Experiences From Malaya and Vietnam*, hlm. 24. Layanan berbeza terhadap penduduk Tanah Melayu yang diamalkan oleh pentadbiran Jepun turut dinyatakan dalam W.G. Beasley, *Japanese Imperialism 1894-1945*, Oxford: Clarendon Press, 1991, hlm. 239 dan 245.

² Polis militeri (*Kempeitei*), pasukan tentera pembantu (*Heijo*), pasukan pemeliharaan keamanan (*Jikeidan*), tentera sukarela (*Giyugun*) dan cawangan khas Jepun (*Toko*), kebanyakannya direkrut daripada penduduk Melayu dan sebahagian kecil dari kalangan orang India. Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, hlm. 39; Annual Report of The Department of Public Relations, Negeri Sembilan For 1946, dalam Fail Jabatan Penerangan (Perhubungan Raya) Persekutuan Tanah Melayu, P.R. 525A/46, Annual Report, 1946.

³ Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 44-45; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation 1941-1946*, hlm. 195-240; A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment, 1942-1948*, Monograph No. 8, Kuala Lumpur: Malayan Branch of The Royal Asiatic Society, 1979, hlm. 148. Lihat juga K.J. Ratnam, *Communalism and The Political Process In Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1965, hlm. 19; Richard Clutterbuck, *The Long Long War*, hlm. 21. Rujuk juga Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*, hlm. 17-19; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 142-143; Zainal Abidin bin Abdul Wahid et al., *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*, hlm. 185; Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism in Malaya*, hlm. 15; Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, hlm. 42; P. Lim Pui Huen & Diana Wong (eds.), *War and Memory in Malaysia and Singapore*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2000, hlm. 28. Reaksi orang Melayu terhadap perang adalah bercampur kerana layanan baik yang diberi oleh pihak Jepun terhadap penduduk Bumiputera. Sementara itu, Jepun mengamalkan polisi damai dengan orang India kerana mereka mengharapkan kerjasama orang India sebagai sebahagian daripada rancangan mereka untuk menakluki negara India. Maklumat lanjut, lihat P. Lim Pui Huen, "Memoirs of War in Malaya", dalam Paul H. Kratoska (ed.), *Malaya and Singapore During The Japanese Occupation*, Journal of Southeast Asia Studies, Special Publication Series No. 3, Singapore: The National University of Singapore, 1995, hlm. 140-141. Rujuk juga Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, hlm. 41-42.

⁴ BMA menganggar bahawa dalam masa dua tahun awal selepas penyerahan Jepun, dalam kejadian di Muar dan Batu Pahat, kira-kira 400 orang dibunuh dan beribu-ribu orang kehilangan tempat tinggal. Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*, hlm. 17-19. Lihat juga Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 15; Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, hlm. 264-265.

⁵ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation 1941-1946*, hlm. 195-240; A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 148; Richard Clutterbuck, *The Long Long War*, hlm. 21. Rujuk juga Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*, hlm. 17-19; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 142-143; Zainal Abidin bin Abdul Wahid et al., *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*, hlm. 185. Pertelingkahan Sino-Melayu juga disebut dalam CAB 129/28, CP (48) 171, 'The Situation in Malaya': Cabinet Memorandum by Mr. Creech Jones, dalam A.J. Stockwell (ed.), *Malaya Part II: The Communist Insurrection 1948-1953*, hlm. 38; Khoo Kay Kim, "Konflik Perkauman: Satu Perspektif Sejarah", *Dewan Masyarakat*, 15 September 1981, hlm. 15; Hussain Mohamed, "Konflik Perkauman Yang Mengkhawatirkan Dari Pandangan Orang Melayu", *Dewan Masyarakat*, 15 September 1981, hlm. 17; Khoo Kay Kim, et al., *Kenegaraan 25 Tahun: Satu Perspektif Sejarah*, hlm. 14.

⁶ Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, hlm. 268-269. Rujuk juga Victor Purcell, *The Memoirs of A Malayan Official*, hlm. 348-349.

⁷ Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism In Malaya*, hlm. 223-224.

⁸ Majlis, 24 Januari 1946, hlm. 1; 25 Januari 1946, hlm. 1. Lihat juga Charles Gamba, *The Origins of Trade Unionism In Malaya*, hlm. 224.

⁹ Anthony Short, "The Emergency Revisited: Origins, Images and Opportunities", hlm. 377.

⁴⁶ Pada tahun 1951, sejumlah \$1,266,205.75 telah disumbangkan oleh MCA kepada penempatan dan pengumpulan semula setinggan di Tanah Melayu. Antaranya, \$946,140 digunakan untuk pembinaan sekolah, \$67,500 untuk memberi elaun kepada setinggan dan orang tua di kawasan penempatan semula, \$180,700 adalah untuk membeli atau sebagai subsidi bahan pembinaan dan \$66,865.75 disalurkan untuk memperluaskan kemudahan sosial di kawasan penempatan semula. MCA Co-Operation In Resettlement, dalam Fail Kementerian Hal-Ehwel Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, *White Paper on Squatters Resettlement In The Federation*. Sehingga permulaan Mei 1952, sejumlah \$1,685,663 telah disumbangkan oleh MCA untuk membantu kerajaan menubuhkan kampung baru di Tanah Melayu. Antaranya, \$974,420 bagi penyediaan sekolah, \$76,538 untuk tujuan pemuliharaan kemudahan asas, \$488,485 sebagai bantuan am kepada penghuni kampung baru, \$4,000 untuk membeli tanah dan selebihnya \$142,220 untuk tabung kebajikan umum. No. 33 of 1952 Federation of Malaya, *Resettlement and The Development of New Village In The Federation of Malaya*, 1952, hlm. 18, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, *Resettlement Nomendature*; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, *Resettlement and The Development of New Village In The Federation of Malaya*, 1952, hlm. 18, dalam Fail Kementerian Hal Ehwel Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, *White Paper on Squatters Resettlement In The Federation*. Rujuk juga Federation of Malaya Monthly Newsletter No. 11 For The Period 16th November To 15th December 1949, dalam C.O. 717/183/52928/24, Political Development Monthly Newsletter, hlm. 10. Sehingga sekitar pertengahan tahun 1953, MCA berjaya mengumpulkan wang sejumlah \$2.5 juta dari keuntungan jualan loteri yang digunakan untuk memperbaiki keadaan penduduk Cina di kampung baru termasuklah membina bahan pembinaan rumah dan sekolah. *The Straits Times*, 16 June 1953, hlm. 7; *The China Press*, 19 May 1950, hlm. 3; 30 June 1950, hlm. 3. Lihat juga Noel Barber, *The War of The Running Dogs*, hlm. 87 dan 94; *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, hlm. 28; Harry Miller, *Menace In Malaya*, hlm. 117. Rujuk juga Edgar O'Ballance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*, hlm. 84; Richard Clutterbuck, *The Long Long War*, hlm. 138; Sidek Fadzil, *Sejarah Orang Cina Di-Tanah Melayu*, hlm. 121; R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 144; Rhoderick Dhu Renick, "The Emergency Regulations of Malaya Causes and Effect", hlm. 16. Sementara itu, Loh Kok Wah, *The Politics of Chinese Unity in Malaysia: Reform and Conflict in The Malaysian Chinese Association 1971-1973*, Singapore: Maruzen Asia, 1982, hlm. 30, mencatatkan sejumlah \$4 juta dibelanjakan oleh MCA pada tahun 1950-an untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial di kampung baru. Disebabkan pengendalian penjualan loteri kebajikan sebagai aktiviti kebajikan oleh MCA menyebabkannya dapat memperluaskan pengaruh di kampung baru. Sekaligus membawa kepada sokongan orang Cina kepada MCA. Namun demikian, pada Jun 1953 kerajaan mengeluarkan peraturan bahawa sebagai sebuah organisasi politik, MCA tidak seharusnya menjalankan penjualan loteri kebajikan. Tindakan ini menyebabkan MCA kehilangan punca pendapatan untuk membantu projek-projek kampung baru. Ini turut menjelaskan kepopularan dan sokongan MCA daripada penghuni kampung baru. Ini kerana berikutan dengan arahan kerajaan tersebut, MCA terpaksa menghentikan kerja-kerja kebajikannya. *The China Press*, 21 May 1953, hlm. 3; 26 June 1953, hlm. 1; *Straits Echo & Times of Malaya*, 12 May 1953, hlm. 4; 18 June 1953, hlm. 1; 25 June 1953, hlm. 1; 26 June 1953, hlm. 4; Lee Kam Hing, "Three Approaches in Peninsular Malaysian Chinese Politics: The MCA, The DAP and The Gerakan", dalam Zakaria Haji Ahmad (ed.), *Government and Politics of Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 75; Joseph Fernando, "Revisiting The Origins of The Alliance", hlm. 138; Karl von Vorys, *Democracy Without Consensus*, hlm. 110. Sehingga tahun 1953, apabila jualan loteri kebajikan dibubarkan, sejumlah lebih \$5 juta dari 18 kali cabutan loteri MCA telah digunakan untuk kerja kebajikan di lebih 400 kampung baru. *The Straits Times*, 25 June 1953, hlm. 1. Maklumat lanjut tentang loteri kebajikan MCA, lihat *Modern Daily News*, 28 November 1949, hlm. 4; *The Straits Times*, 27 August 1953, hlm. 8.

⁴⁷ Keputusan ini diambil dalam mesyuarat MCA yang diadakan di Singapura pada 14 Julai 1952. *Kin Kwok Daily News*, 15 July 1952, hlm. 3. Lihat juga *The China Press*, 15 July 1952, hlm. 1; 12 August 1952, hlm. 1; *Sing Pin Jih Pao*, 18 July 1952, hlm. 1; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 June 1953, hlm. 12; *Straits Echo & Times of Malaya*, 19 July 1952, hlm. 4. Langkah MCA tersebut disambut baik oleh

akbar *Sing Pin Jih Pao*, 27 May 1953, hlm. 1, yang melihat bantuan itu sebagai kerjasama ekonomi dan pengukuhari perpaduan kaum. Manakala *Indian Daily Mail*, berpendapat “If the Chinese seem to imagine that they can buy over a whole community with money in this fashion, they are sadly mistaken. MCA lottery fund not subscribed solely by the Chinese people, but also by non-Chinese-Malays, Indians, Eurasians and even Europeans.” *Indian Daily Mail*, 9 July 1952, hlm. 2. Penawaran \$500,000 kepada orang Melayu oleh MCA juga dinyatakan dalam Joseph M. Fernando, “Revisiting The Origins of The Alliance”, hlm. 137-138.

⁴⁸ *The China Press*, 24 July 1952, hlm. 1. Seorang pegawai UMNO di Kedah mendesak orang Melayu menolak tawaran itu dengan mengatakan “Malays cannot be valued at \$500,000”. Pemimpin lain UMNO di Selangor menyatakan tindakan MCA sebagai percubaan untuk “buy over Malays at 20 cents a head”. Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 165; Joseph M. Fernando, “Revisiting The Origins of The Alliance”, hlm. 138; *The Straits Times*, 30 July 1952, hlm. 3; 1 August 1952, hlm. 4.

⁴⁹ *The China Press*, 12 August 1952, hlm. 1.

⁵⁰ *The Straits Times*, 22 November 1952, hlm. 7; 5 February 1953, hlm. 5; 3 March 1953, hlm. 4; 16 July 1953, hlm. 9. Lihat juga *The Malay Mail*, 23 October 1952, hlm. 1.

⁵¹ Information It Is Desired To Include In The Explanatory Leaflet on The Registration & Licensing of Businesses Ordinance, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 222/53, Registration and Licensing of Businesses Bill, 1953. Lihat juga Federation of Malaya Current Affairs Bulletin, No. 1, hlm. 1, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 4/1953, Monthly Current Affairs Bulletin; *Supplement To Federation of Malaya Government Gazette*, Vol. V, No. 26, 23 October 1952, hlm. 2801-2802. Ordinan ini juga dinyatakan dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 222/53, Registration and Licensing of Businesses Bill, 1953, hlm. 1-15. Rujuk juga SP. 3/F/15, Minutes of The Fourteen Meeting of The Fifth Session of The Legislative Council, Kuala Lumpur, 8th January 1953, hlm. 8-9; The Registration and Licensing of Businesses Bill, 1952, (G.N. No. 3476 of 21st October, 1952), dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2677/1952, Registration and Licensing of Businesses Bill, 1952, hlm. 15; *The Straits Times*, 16 July 1953, hlm. 9.

⁵² *The China Press*, 9 September 1953, hlm. 1.

⁵³ Speech by Dato Sir Cheng-lock Tan, K.B.E., J.P., at The Annual General Committee Meeting of The Malayan Chinese Association at Singapore on The 27th December, 1953, hlm. 4, dalam SP. 13/H/70, Objektif Perikatan UMNO-MCA.

⁵⁴ Yang tergolong dalam kumpulan ini ialah golongan penjaja; peniaga tanpa premis bermula; nelayan dan penternak ikan; pemotong kayu dan pembuat arang kayu; penternak ayam itik dan binatang ternakan; penanam getah, padi, kelapa, kelapa sawit, buah-buahan, bunga atau sayur yang mana kawasan penanaman tidak melebihi 10.12 hektar (25 ekar) dan tidak mengupah lebih daripada lima orang pekerja. Information It Is Desired To Include in The Explanatory Leaflet on The Registration & Licensing of Businesses Ordinance, dalam Fail Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 222/53, Registration and Licensing of Businesses Bill, 1953.

⁵⁵ Kolonel Henry Lee Hau-Shik dilahirkan pada 19 November 1901 di Hong Kong. Bapanya, seorang pelombong bijih timah di Perak. Beliau mendapat pendidikan di *Queen's College*, Hong Kong dan *St. John's College*, Cambridge. Beliau tiba di Tanah Melayu pada tahun 1923. Pada tahun 1924, beliau membeli sebuah lombong di Kepong, Selangor dengan harga \$30,000 dan mengambil keputusan menetap di Tanah Melayu. Pada tahun 1929, beliau dilantik ke Lembaga Kesihatan Kuala Lumpur dan seterusnya menerajui Dewan Perniagaan Cina Selangor mulai tahun 1939. Semasa Perang Dunia Kedua, beliau menjadi ketua Unit Pertahanan Bersekutu. Selepas perang, beliau berkhidmat dalam Majlis Penasihat *Malayan Union* dan sebagai ahli tidak rasmi Majlis Eksekutif Persekutuan serta Majlis Perundungan Persekutuan. Semasa darurat pada tahun 1948, beliau menjadi penasihat kepada Pengarah Operasi Darurat. Pada tahun 1949, beliau mengambil bahagian dalam pembentukan awal MCA. Beliau seterusnya memimpin MCA Selangor dari tahun 1948 hingga Disember 1955. Beliau mengasaskan penubuhan Perikatan UMNO-MCA semasa pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 bersama Dato' Yahaya Bin Dato' Abdul Razak, iaitu ketua UMNO Kuala Lumpur. Kerjasama Perikatan telah memberi kemenangan 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Kolonel Lee berkhidmat di Kementerian Pengangkutan dari tahun 1953 hingga 1955. Beliau juga salah seorang ahli Rombongan Merdeka ke London pada tahun 1956 dan mengambil bahagian dalam penandatanganan Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu dengan kerajaan British. Beliau kemudian menjadi Menteri Kewangan pertama Tanah Melayu yang merdeka sehingga beliau bersara sekitar tahun 1959. Beliau meninggal dunia pada 22 Jun 1988 pada usia 87 tahun. SP. 156/B/1, Pameran Patriot dan Negarawan ‘Tun Sri Henry H.S. Lee’, (Muzium Negara, Kuala Lumpur, 19 November 1988); Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese In Malaysia*, hlm. 86-88; *Straits Echo & Times of Malaya*, 1 January 1948, hlm. 7; *Federation of*

Malaya Year Book 1956, hlm. 141; *Federation of Malaya Year Book 1957/58*, hlm. 127. Lihat juga Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 84; Harry Miller, *Prince and Premier, A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra*, hlm. 120; Paridah Abd. Samad, *Tun Abdul Razak, A Phenomenon In Malaysian Politics*, hlm. 236; Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 220; Norman Cleaveland, *Bang! Bang! In Ampang, Dredging Tin During Malaya's 'Emergency'*, hlm. 48 dan 111.

⁵⁶ *Straits Echo & Times of Malaya*, 9 January 1953, hlm. 1. Lihat juga *The Straits Times*, 9 January 1953, hlm. 4; 10 January 1953, hlm. 4.

⁵⁷ *The Straits Times*, 3 March 1953, hlm. 4.

⁵⁸ Victor Purcell, *Malaya: Communist or Free?*, hlm. 117-118; *The Straits Times*, 29 January 1953, hlm. 4; 5 February 1953, hlm. 5; *Straits Echo & Times of Malaya*, 26 January 1953, hlm. 1. Presiden Dewan Perniagaan India Selangor, V.A. Mohamed Hussain, tidak bersetuju dengan mengadakan hartal sebagai protes terhadap Ordinan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan. Beliau mengatakan "I object to the staging of hartals on the grounds that such form of protests will display weakness in our resolve to help the Government end the Emergency." *The Straits Times*, 31 March 1953, hlm. 4.

⁵⁹ *Straits Echo & Times of Malaya*, 28 December 1953, hlm. 1.

⁶⁰ Sekolah kebangsaan adalah sekolah yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sekolah ini juga menawarkan pendidikan rendah percuma untuk kanak-kanak semua bangsa yang berumur antara 6-12 tahun. Maklumat lanjut ada dibincangkan dalam Bab 5: Pendidikan.

⁶¹ Malcolm MacDonald dilahirkan pada 17 Ogos 1901. Beliau mendapat pendidikan di *Bedales School* dan di Oxford. Beliau pernah menjadi Setiausaha Tanah Jajahan British pada tahun 1935 dan dilantik sekali lagi pada tahun 1938 hingga 1940. Antara tahun 1941 hingga 1946, beliau adalah Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom di Kanada. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Gabenor Jeneral *Malayan Union* dan Singapura antara Mei hingga Julai 1946. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Gabenor Jeneral Tanah Melayu, Singapura dan British Borneo antara tahun 1946 hingga 1948. Beliau dilantik sebagai Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara pada Mei 1948 hingga tahun 1955. Kemudian beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi di India (1955-1960) serta Pesuruhjaya Tinggi dan wakil khas British di Afrika (1963-1969). Untuk latar belakang beliau, lihat *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 18 May 1955, hlm. 5. Rujuk juga *Malayan Establishment Staff List 31st December 1947*, hlm. 1; *Malayan Establishment Staff List 31st December 1948*, hlm. 1; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1951*, hlm. 1; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1952*, hlm. 1; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1953*, hlm. 2; *Malayan Establishment Staff List 1st January 1954*, hlm. 2. Lihat juga A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 180; James P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 100.

⁶² Dato' Onn Jaafar dilahirkan di Bukit Gambir, Johor Bahru, Johor pada 3 Februari 1895. Beliau mendapat pendidikan di sekolah vernakular Melayu, Johor Bahru. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke *Aldeburgh Lodge School*, Suffolk, England pada tahun 1903. Dato' Onn kembali ke Johor pada 25 Mac 1910. Kemudian beliau dihantar oleh ayahnya untuk belajar bahasa Melayu di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK) pada tahun 1911. Selepas itu, beliau bekerja sebagai kerani pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor pada tahun 1912 dan kemudian bekerja sebagai penolong pegawai di Pejabat Tanah Johor. Pada 1 Januari 1923, beliau diberi tugas sebagai pegawai di Jabatan Tanah Muar. Kemudian pada tahun 1924, beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah Muar. Beliau mula terlibat dalam bidang kewartawanan pada tahun 1930. Pada 1 Januari 1930, beliau menjadi pengarang akhbar *Warta Malaya*. Pada Disember 1934, Dato' Onn menjadi pengarang *Lembaga Malaya* dan memulakan *Warta Ahad*, sebuah akhbar mingguan pada 5 Mei 1936. Dato' Onn bukan sahaja mengkritik British kerana kurang menjaga kpentingan orang tempatan, tetapi juga mengkritik sikap dan perangai orang Melayu yang dianggapnya sebagai punca kepada kemunduran mereka sendiri. Beliau dilantik sebagai ahli tidak rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Johor pada Januari 1936 dan Pegawai Daerah Batu Pahat pada Ogos 1945. Beliau juga adalah ahli Majlis Perundungan Persekutuan di antara tahun 1948-1950. Beliau juga pernah menjadi Menteri Besar Johor dan dilantik sebagai Ahli Dalam Negeri pada Januari 1950. Semasa menjadi Menteri Besar Johor pada tahun 1946 sehingga 1949, Dato' Onn juga pemimpin penubuhan *United Malays National Organization* (UMNO). Selain itu, beliau juga memegang jawatan Yang Dipertua UMNO selama lima tahun, iaitu dari tahun 1946 sehingga 1951. Dato' Onn dilantik menjadi Pengurus *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA) pada Disember 1950 sehingga Januari 1955. Beliau juga adalah Presiden IMP pada tahun 1951 dan Presiden Parti Negara pada tahun 1954 sehingga beliau bersara dari arena politik pada awal 1960-an. Beliau juga ahli Dewan Rakyat pada tahun 1959. Dato' Onn meninggal dunia di Johor pada 20 Januari 1962. Ramlah Adam, 'Dato Onn Jaafar: Peranannya Di Dalam Politik Dan Pentadbiran Tanah Melayu 1930-1962'; Ramlah Adam, *Dato' Onn*

Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan, hlm. 1-417; Ramlah Adam, "Dato' Onn Jaafar, 1895-1962", dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (eds.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hlm. 118-147; Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, hlm. 1-40; Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*, hlm. 1-586; Mohd Tajuddin bin Haji Abdul Rahman, *Dato' Onn Jaafar-Tokoh Nasionalis*, hlm. 1-91; A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 177; Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 109-110; K.J. Ratnam, *Communalism and The Political Process In Malaya*, hlm. 228; Nicholas J. White, *Business, Government, and The End of Empire Malaya, 1942-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1996, hlm. 294-195. Lihat juga Tunku Abdul Rahman, *Malaysia: The Road To Independence*, hlm. 15; *Federation of Malaya Year Book 1956*, hlm. 145-146; *Federation of Malaya Year Book 1957/58*, hlm. 129-130; James P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 69; Paridah Abd. Samad, *Tun Abdul Razak, A Phenomenon In Malaysian Politics*, hlm. 241; S.H. Alattas, *Bahtera Lama Nakhoda Baru*, hlm. 2-11.

⁶³ Datuk E.E.C. Thuraisingham dilahirkan di Taiping, Perak, pada 28 Ogos 1898. Keluarganya adalah pemilik ladang getah Tamil Ceylon. Beliau mendapat pendidikan awal di Tanah Melayu dan di Ceylon. Seterusnya, beliau mendapat pendidikan di Kolej St. Thomas, Colombo, sebelum melanjutkan pelajaran ke Selwyn College, Cambridge. Beliau lulus sebagai peguam dari *Middle Temple*, London. Beliau memulakan kerjaya sebagai peguam di Singapura pada tahun 1925-1934. Pada tahun 1941, beliau menguruskan estet getah kepunyaan keluarganya di Johor dan Perak. Beliau adalah antara pengasas Persekutuan Ceylon pada tahun 1945. Pada April 1946, beliau dilantik sebagai salah seorang ahli Majlis Penasihat *Malayan Union* bagi Selangor, ahli Majlis Eksekutif Negeri Selangor dan ahli Majlis Negeri. Beliau menjadi wakil kaum Ceylon dalam Majlis Legislatif Persekutuan di antara 1948-1955. Beliau adalah Penggerusi CLC dari 1949-1951. Perlantikan ini dibuat kerana kewibawaannya sebagai seorang peguam yang dapat menjadi perunding dalam menyelesaikan masalah perkauman yang sensitif itu. Pada tahun 1951, beliau merupakan ahli India pertama yang menganggotai Sistem Ahli sebagai ahli Pelajaran sehingga tahun 1955. Sebagai ahli Pelajaran, beliau dilantik menganggotai Jawatankuasa Penyata Pelajaran tahun 1952. Beliau juga ahli pengasas Persatuan Pemilik Estet Tanah Melayu dan presiden Persatuan Ceylon Persekutuan Tanah Melayu selama lapan tahun. Beliau adalah sahabat karib dan penyokong Dato' Onn baik dalam penubuhan parti politik maupun dalam perjuangan politik di Tanah Melayu. Antaranya, beliau memainkan peranan penting dalam usaha Dato' Onn mengasaskan *Independence of Malaya Party* (IMP) pada tahun 1951 dan kemudian Parti Negara pada tahun 1954. Beliau aktif dalam *Malayan Estate Owners' Association* pada 1952-1961 dan menjadi ahli Dewan Negara sejak 1959. Beliau mewakili Persekutuan Tanah Melayu menghadiri persidangan getah antarabangsa pada tahun 1960-an dan 1970-an. Dianugerah gelaran Dato' oleh Sultan Johor dan meninggal dunia pada tahun 1975. Zainal Abidin Abdul Wahib et al., *Malaysia, Warisan dan Perkembangan*, hlm. 299-302; J.P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 100; Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, hlm. 173-187; *Federation of Malaya Year Book 1956*, hlm. 148; *Federation of Malaya Year Book 1957/58*, hlm. 132; *British Malaya*, Vol. 24, No. 6, October 1949, hlm. 317. Rujuk juga Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 149.

⁶⁴ Khoo Teik Ee dilahirkan pada tahun 1902 di Pulau Pinang dan meninggal dunia pada 30 April 1953 dalam satu kemalangan udara berdekatan Calcutta. Beliau mendapat pendidikan di *St. John's Institution* di Kuala Lumpur dan *King's College*, London, di mana beliau menamatkan pelajaran dalam bidang undang-undang. Beliau juga pemegang diploma kewartawanan dari Universiti London. Beliau pernah menjadi pengarah kepada beberapa kempeni bijih timah dan getah, Kwong Yik Bank, dan pernah terlibat dalam penerbitan akhbar *Malayan Daily News*. Beliau berkhidmat di Lembaga Bandar Kuala Lumpur selama 12 tahun dan Majlis Negeri Selangor sehingga Perang Dunia Kedua. Selepas perang, beliau dilantik ke Majlis Penasihat *Malayan Union* dan kemudian Majlis Perundungan Persekutuan pada tahun 1948. Di samping itu, beliau menjadi ahli CLC yang dibentuk pada tahun 1949, salah seorang ahli pengasas MCA, bendahari kehormat pertama MCA dan penggerusi Jawatankuasa Kecil Loteri Kebajikan MCA. Maklumat lanjut, lihat Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese of Malaysia*, hlm. 69-70; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 June 1953, hlm. 6; *The Malay Mail*, 4 May 1953, hlm. 1.

⁶⁵ Yong Shook Lin dilahirkan pada tahun 1896 di Kuala Lumpur. Beliau mendapat pendidikan di *Victoria Institution* di Kuala Lumpur dan *Emmanuel College*, Cambridge, di mana beliau belajar dalam bidang undang-undang. Beliau menamatkan pengajian peringkat sarjana muda pada tahun 1914. Pada Disember 1917, beliau dipanggil berkhidmat dalam *English Bar*. Pada tahun berikutnya, beliau menyertai perkhidmatan guaman Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan seterusnya Negeri-Negeri Selat pada tahun seterusnya. Beliau memulakan kerjayanya di Kuala Lumpur pada tahun 1919. Beliau adalah ahli Lembaga

Penasihat Cina Selangor dan ahli *Commission of Inquiry (Mines Department)* antara tahun 1940-1941. Beliau juga ahli tidak rasmi Majlis Persekutuan dan ahli Majlis Negeri Selangor sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Sebagai salah seorang ahli pengasas MCA, beliau dipilih sebagai setiausaha umum MCA. Namun demikian, beliau kemudian meletak jawatan pada tahun 1951 dan menyertai IMP yang dianjurkan oleh Dato' Onn Jaafar. Beliau juga pernah menjadi Presiden Dewan Perniagaan Cina (1935-1937), ahli Majlis Negeri (1934-1935), ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1939, Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif Persekutuan (1953-1955). Beliau meninggal dunia pada tahun 1955. Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese In Malaysia*, hlm. 195-196.

⁶⁶ Roland Braddell dilahirkan pada tahun 1880. Beliau mendapat pendidikan di *King's School*, Canterbury dan Oxford, London. Beliau berkelulusan undang-undang. Beliau pernah mengetuai peguambela dan peguamcara Singapura. Beliau juga pernah menjadi penasihat undang-undang persendirian kepada Sultan Ibrahim, Johor. Beliau dilantik sebagai ahli Majlis Eksekutif Singapura antara tahun 1949-1950 dan penasihat undang-undang UMNO pada tahun 1946 hingga 1948. Beliau meninggal dunia pada tahun 1960. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 179, *Federation of Malaya Year Book 1957/58*, hlm. 121.

⁶⁷ "One Country, One People, One Government" Presidential Address By Tan Cheng Lock at a Meeting of The General Committee of The Malayan Chinese Association Held in Penang on 30th October, 1949, Kuala Lumpur: M.C.A. HQ, 1966, hlm. 8; *The Straits Times*, 11 January 1949, hlm. 7. Lihat juga Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 186; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 26. Rujuk juga *British Malaya*, Vol. 24, No. 6, October 1949, hlm. 317; Oong Hak Ching, *Chinese Politics In Malaya 1942-55*, hlm. 151; Oong Hak Ching, *Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan Penuhuan Perikatan UMNO-MCA*, hlm. 10; PREM 8/1406/2, DO (50) 94, 'Political and economic background to the situation in Malaya': Memorandum by Mr. Griffiths for Cabinet Defence Committee, dalam A.J. Stockwell (ed.), *Malaya Part II: The Communist Insurrection 1948-1953*, hlm. 261; T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 259. Rujuk juga Simon C. Smith, *British Relations With The Malay Rulers From Decentralization To Malayan Independence 1930-1957*, hlm. 113. Peranan Malcolm MacDonald dalam menggalakkan pembentukan CLC ada dinyatakan dalam Cheah Boon Kheng, "Some Aspects of The Malayan Emergency: 1948-1960", hlm. 117.

⁶⁸ Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab dilahirkan pada 4 Mei 1950 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Anderson, Ipoh dan kemudian melanjutkan pelajaran di England. Beliau menjadi peguam di Perak antara tahun 1931-1947. Beliau berjaya dilantik sebagai pemimpin utama (Dato' Panglima Bukit Gantang) di Perak pada tahun 1936. Selain itu, beliau menjadi ahli Majlis Negeri Perak pada tahun 1936-1941. Beliau kemudian dilantik sebagai Menteri Besar pertama Perak pada tahun 1948. Maklumat lanjut, lihat *Federation of Malaya Year Book 1956*, hlm. 135.

⁶⁹ Lee Tiang Keng dilahirkan pada 25 Oktober 1900 di Rangoon, Burma. Beliau mendapat pendidikan di *St. Xavier's Institution* dan *Penang Free School*. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Hong Kong (1917-1919) dan *University of Edinburgh* (1919-1923). Beliau berkhidmat di *Penang Municipal Commission* (1939-1941 dan 1945-1948) dan adalah ahli tidak rasmi Majlis Penasihat *Malayan Union* pada tahun 1947-1948, ahli Majlis Penasihat Pulau Pinang (1948-1952), ahli Majlis Perundangan Persekutuan (1948-1955) dan *Member For Health* Persekutuan Tanah Melayu (1948-1955). Beliau meninggal dunia ketika berusia 61 tahun pada 31 Julai 1961. Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of The Chinese In Malaysia*, hlm. 94.

⁷⁰ Zainal Abidin bin Haji Abbas dilahirkan pada tahun 1907 di Perak. Beliau mendapat pendidikan di *Anglo-Chinese School*, Teluk Intan dan Sekolah Anderson di Ipoh, Perak. Beliau menyertai Perkhidmatan Pertadbiran Malaya (*Malayan Administration Service/MAS*) pada tahun 1926. Beliau dilantik sebagai setiausaha kepada gabenor Jepun di Perak pada zaman pendudukan Jepun. Selain itu, beliau menjadi penolong setiausaha Pesuruhjaya Residen Perak pada tahun 1945-1947, Setiausaha Negeri Perak pada tahun 1948 dan ketua pegawai kebijakan sosial Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1949. Beliau juga ahli pengasas Perikatan Melayu Perak pada tahun 1946. Pada tahun 1947, beliau menggantikan Dato' Panglima Bukit Gantang sebagai setiausaha umum UMNO dan menjadi ahli CLC pada tahun 1949. Beliau kemudian meninggalkan UMNO dan menyertai IMP pada tahun 1951. Seterusnya, beliau menjadi pemimpin penting bagi Parti Negara selepas Dato' Onn Jaafar meninggal dunia. Beliau meninggalkan Parti Negara pada tahun 1963 dan menjadi pengurus *United Democratic Party*. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 178.

⁷¹ *The Singapore Free Press*, 11 January 1949, hlm. 4 dan 5; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 January 1949, hlm. 1. Lihat juga J.P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 82-83; Oong Hak Ching, *Chinese Politics In Malaya 1942-55*, hlm. 151; Ibrahim bin Mohamad, 'Tan Cheng Lock,

Perjuangan yang Berterusan', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1987/88, hlm. 50; Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 185; Ramlah Adam, 'Dato Onn Jaafar: Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Tanah Melayu, 1930-1962', hlm. 293-297; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 25-26; James P. Ongkili, "Darurat dan British, 1948-1960: Suatu Pernilaian", hlm. 12-13.

⁷² *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 January 1949, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, 17 January 1949, hlm. 2. Rujuk juga F.J. Moorhead, M.A., *A History of Malaya*, hlm. 210. Pada tarikh yang lebih awal lagi, iaitu tahun 1946, sudah ada cadangan bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa atau Lembaga Keamanan Daerah (*District Peace Board or Committee*). Ia ditubuhkan di setiap daerah di bawah pimpinan seorang pegawai kanan British dan mengandungi pemimpin daripada kaum Melayu, Cina dan India. Tugas Lembaga atau Jawatankuasa adalah bagi menggalakkan perasaan muhibah dan persahabatan di kalangan berbagai kaum dan untuk membincang dan menyelesaikan masalah antara kaum dan perbezaan yang mereka bangkitkan dari semasa ke semasa demi mengelakkan meletusnya pertelingkahan kaum. Fail Pejabat Daerah Bachok, Kelantan, D.O.B. 104/46, *Forwards A Copy of Letter From Chief Secretary Kuala Lumpur Re-scheme For Promoting Inter-Racial Good-will*, 29 March 1946. Jawatankuasa Muhibah Melayu-Cina Pasir Puteh, Kelantan, dibentuk pada 11 Disember 1948. Ia terdiri daripada wakil tujuh daerah di Pasir Puteh. Sebelum ini, di Johor, jawatankuasa bagi tujuan yang sama juga telah dibentuk. Fail Pejabat Daerah Pasir Puteh, D.O.P.P. 526/48, *Inter-racial Tension Between The Malays and Chinese*. Pembentukan Jawatankuasa Muhibah Sino-Melayu juga dinyatakan dalam *The Singapore Free Press*, 15 January 1949, hlm. 5.

⁷³ Kesemua empat ahli Cina adalah anggota Majlis Perundungan Persekutuan. *The Straits Times*, 11 January 1949, hlm. 7; *Indian Daily Mail*, 21 September 1949, hlm. 2. Lihat juga *The Disturbances In Malaya*, hlm. 20, dalam C.O. 717/210/52849/3, *Law and Order*, 1948; Fail Jabatan Penerangan (Perhubungan Raya) Persekutuan Tanah Melayu, P.R. 440/1949, *Press Publicity, Communities Liaison Committee*. Rujuk juga Khong Kim Hoong, *Merdeka!*, hlm. 156-157; Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, hlm. 26-27; Wan Hamzah, Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 24; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 January 1949, hlm. 1; *The Malay Mail*, 16 March 1949, hlm. 3. Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 9, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 9, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 9, dalam Fail Pejabat Daerah Segamat, A.O.S. 99/1949, Chronology of Important Events During The Emergency During The Period June 1948 To June 1949. Lihat juga Colonial Office Malaya, 28th January-3rd February 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, *Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department (Colonial Office)*, hlm. 353; *Times*, 20 September 1949, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development Co-operation Between Malays and Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 26. Malcolm MacDonald bertindak sebagai "Liaison Officer" ada dinyatakan dalam John D. Higham kepada K. Roberts-Wray, bertarikh 17 Oktober 1949, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development, Co-operation Between Malays and Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 12. Lihat juga Emergency Leaflets No. 163, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PR/1049/48(1), Emergency Regulations-Publicity Material; *Indian Daily Mail*, 17 January 1949, hlm. 2. Rujuk juga Background Notes on Economic And Social Policy In Malaya, dalam C.O. 825/90/2/55437, Memorandum Prepared In S.E.A. Department, hlm. 48; James P. Onglili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 83; Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 123; *British Malaya*, Vol. 23, No. 10, February 1949, hlm. 158. Ahli-ahli CLC sehingga 16 September 1949 terdiri daripada E.E.C. Thuraisingham (Pengerusi), Dato' Onn Jaafar, Roland Braddle, Dato' Hamzah Abdullah, Khoo Teik Ee, Y.C. Kang, Zainal Abidin Hj. Abbas, Dr. Mustaffa Osman, Salleh Hakim, Hj. Mohamed Eusuf bin Yusoff, Quek Kai Kee, Tan Cheng Lock, Lee Kong Chian dan Syed Abdullah Mohamed. Lihat Fail Pejabat Penerangan (Perhubungan Raya), P.R. 440/49, *Press Publicity: Communities Liaison Committee*. Rujuk juga *British Malaya*, Vol. 24, No. 6, October 1949, hlm. 319.

⁷⁴ The Communities Liaison Committee and Self-Government, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development, Co-operation Between Malays & Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 41.

⁷⁵ Press Statement by The Communities Liaison Committee, Ipoh, 15 March 1949, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development, Co-operation Between Malays and Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 70. Lihat juga *Indian Daily Mail*, 27 September 1949, hlm. 2.

⁷⁶ Khong Kim Hoong, *Merdeka!*, hlm. 156-157; Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, hlm. 158; *Federation of Malaya Annual Report 1949*, hlm. 242. Rujuk juga Colonial Office Malaya, 25th February-3rd March 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared In Eastern Department, hlm. 319. Ini berikutan dengan perjumpaan yang diadakan di Kuala Lumpur pada 19 April 1949. Jawatankuasa ini dibentuk untuk mengekalkan kesefahaman antara komuniti dan untuk mencadangkan cara-cara bagi mengukuhkan dan mempertingkatkan hubungan antara kaum. Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 12-13, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 12-13, dalam Fail Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. No. 120/1949, Summary of Security Activities During Emergency; Chronology of Important Events During The Emergency In Malaya For The Period June 1948 To June 30th, 1949, hlm. 12-13, dalam Fail Pejabat Daerah Segamat, A.O.S. 99/1949, Chronology of Important Events During The Emergency During The Period June 1948 To June 1949. Penubuhan CLC, lihat juga SP. 3/A/174, Communities Liaison Committee, 1949; SP. 3/A/175, Communities Liaison Committee, 1950. Rujuk juga lembaran maklumat tentang "Citizenship In Malaya", 3.6.52, dalam C.O. 1022/174/SEA92/16/01, Malayan Citizenship Legislation, hlm. 158; Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change In Malaya 1945-1957*, hlm. 109-111; Joseph M. Fernando, "Revisiting The Origins of The Alliance", hlm. 124.

⁷⁷ *The Straits Times*, 16 April 1949, hlm. 7; *Indian Daily Mail*, 28 September 1949, hlm. 2. Objektif CLC tersebut juga dinyatakan oleh pengurusnya, E.E.C. Thuraisingam, dalam ucapan di radio dengan tujuan merayu penduduk Tanah Melayu bersatu dan bertaat setia kepada Tanah Melayu. *British Malaya*, Vol. 24, No. 1, May 1949, hlm. 220. Rujuk juga *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 15 July 1949, hlm. 1; Malaya, dalam C.O. 825/75/4/55417/2, Visit To Malaya of Major Woodrow Wyatt, hlm. 42-43.

⁷⁸ Emergency Leaflets No. 185, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PR/1049/48(2), Emergency Regulations-Publicity Material; Extract From *Straits Budget*, April 1949, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development, Co-operation Between Malays & Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 63; Emergency Leaflet No. 185, dalam Fail Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh, D.O.P.P. 2/1949, Emergency Leaflets.

⁷⁹ Colonial Office Malaya, 9th-15th April 1949, dalam C.O. 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office), hlm. 98. Lihat juga Background Notes on Economic And Social Policy In Malaya, dalam C.O. 825/90/2/55437, Memorandum Prepared In S.E.A. Department, hlm. 48. Rujuk juga Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, hlm. 24.

⁸⁰ Federation of Malaya Political Report No. 11 For September 1949, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development, Co-operation Between Malays & Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 21; The Communities Liaison Committee and Self-Government, dalam C.O. 717/183/52928/17, Political Development, Co-operation Between Malays & Chinese Communities Liaison Committee, hlm. 32 dan 37; Federation of Malaya Political Report No. 11 For September 1949, hlm. 1, dalam C.O. 825/74/3/55404/3, Monthly Political Reports From Federation of Malaya. Lihat juga *The Straits Times*, 18 September 1949, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, 20 September 1949, hlm. 4; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 18 September 1949, hlm. 1 dan 9. Rujuk juga Lennox A. Mills, *Malaya: A Political and Economic Appraisal*, hlm. 76.

⁸¹ *British Malaya*, Vol. 24, No. 6, October 1949, hlm. 318-319. Lihat juga *The Malay Mail*, 1 November 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 14 October 1949, hlm. 1.

⁸² Keterangan lanjut, sila rujuk Bab 5.

⁸³ Federation of Malaya Political Report No. 4 For February 1949, hlm. 3, dalam C.O. 825/74/3/55404/3, Monthly Political Reports From Federation of Malaya. Lihat juga B.N. Ghosh and Muhammad Syukri Salleh (eds.), *Political Economy of Development In Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1999, hlm. 27.

⁸⁴ Oong Hak Ching, *Chinese Politics In Malaya 1942-55*, hlm. 154-155. Lihat juga Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 151-152; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 15 July 1949, hlm. 1.

⁸⁵ Fungsi RIDA ialah merancang dan mengadakan skim khas untuk pembangunan ekonomi luar bandar, terutama membolehkan pekebun kecil Melayu melibatkan diri dalam proses memasarkan tanaman mereka dan membantu penduduk luar bandar meningkatkan taraf hidup mereka. Oong Hak Ching, *Chinese Politics In Malaya 1942-55*, hlm. 161; Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 16; Mohd Tajuddin bin

Haji Abdul Rahman, *Dato' Onn Jaafar-Tokoh Nasionalis*, hlm. 73-74; Ramlah Adam, 'Dato Onn Jaafar: Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Tanah Melayu, 1930-1962', hlm. 350-396; Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 124; Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 150-151; T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 149-150; Lennox A. Mills, *Malaya: A Political and Economic Appraisal*, hlm. 77-78; F.G. Carnell, "British Policy In Malaya", *The Political Quarterly*, Vol. 23, 1952, hlm. 278; Norton Ginsburg and Chester F. Roberts, Jr., *Malaya*, hlm. 417-420. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 153; Papers on The Emergency In Malaya, hlm. 25, dalam C.O. 1022/22/SEA10/14/08, Reports To Ministers on The Situation In Malaya; Annual Report To Parliament, 1954/55, dalam C.O. 1030/215/FED93/52/02, South-East Asia Department's Contribution To Secretary of State's Annual Report (Federation of Malaya & Singapore), hlm. 116; Malayan Rural and Industrial Development Authority, dalam C.O. 825/90/3/55442, Briefs For Debates, hlm. 9; *Straits Echo & Times of Malaya*, 9 September 1950, hlm. 4. Perlantikan Dato' Onn sebagai Penggerusi RIDA, lihat *The Straits Budget*, Singapore, 20 July 1950, dalam C.O. 717/208/52968/1950, Rural Development Authority, hlm. 13; Inward Telegram To The Secretary of State For The Colonies From Federation of Malaya, 6th July 1950, dalam C.O. 717/208/52968/1950, Rural Development Authority, hlm. 26; Malayan Rural and Industrial Development Authority, dalam C.O. 825/90/3/55442, Briefs For Debates, hlm. 9, *Straits Echo & Times of Malaya*, 17 July 1950, hlm. 4; 9 September 1950, hlm. 4. Rujuk juga T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 128-182; Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 151; N.J. Ryan, *The Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 247. Bidang tugas RIDA secara terperinci adalah seperti berikut:

- (a) The planning and instituting of major development projects in rural areas;
- (b) The organisation of improved marketing and processing arrangements for rural products on a co-operative basis;
- (c) The stimulation of interest and provision of facilities for the further development of agricultural and industrial occupation in rural areas;
- (d) Training for and encouragement of schemes for social improvement such as home craft, mother craft, hygiene, handicrafts, etc.;
- (e) Instruction in domestic and rural economic matters;
- (f) The training of Rural Development Officers and kampong leaders;
- (g) The provision of funds to carry out these purposes where these are not otherwise provided.

No. 10 of 1951 Federation of Malaya (Paper To Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner)-Scheme For The Reorganisation of The Rural and Industrial Development Authority, Federation of Malaya, dalam C.O. 717/208/52968/1951, Rural and Industrial Development Authority, hlm. 2. Penubuhan RIDA juga dinyatakan dalam Uchapan Yang Berhormat Dato Onn Bin Jaafar, Di-Radio Malaya Singapore Pada 8 Haribulan December 1950, Berkenaan Dengan Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampong, hlm. 1-4, dalam Fail Setiausaha Agung UMNO, UMNO/SG. No. 178/1950, R.I.D.A. Lembaga Perusahaan dan Kemajuan Kampong. Rujuk juga Cheah Boon Kheng, "Some Aspects of The Malayan Emergency: 1948-1960", hlm. 118-119; K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, hlm. 298; Nicholas Tarling (ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia*, hlm. 48-49.

⁸⁶ Hal ini ada disebut dalam Federation of Malaya Political Report No. 4 For February 1949, hlm. 3, dalam C.O. 825/74/3/55404/3, Monthly Political Reports From Federation of Malaya.

⁸⁷ Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 156. Rujuk juga Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 258; Ramlah Adam, 'Dato Onn Jaafar: Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Tanah Melayu 1930-1962', hlm. 303.

⁸⁸ Oong Hak Ching, *Chinese Politics In Malaya 1942-55*, hlm. 157.

⁸⁹ Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 155; K.J. Ratnam, *Communalism and The Political Process In Malaya*, hlm. 84 dan 92.

⁹⁰ *The Malaya Tribune (Ipoh)*, 12 December 1949, hlm. 2.

⁹¹ *The Straits Times*, 4 March 1949, hlm. 1. Penubuhan CLC digalakkan oleh Malcolm MacDonald juga dinyatakan dalam Richard Stubbs, "The U.M.N.O., The M.C.A., and The Early Years of The Malayan Emergency, 1948-1955", Paper Presented at The Annual Conference of The Canadian Society For Asia Studies, Laval University, Quebec, 28th and 29th May 1976, hlm. 3. Rujuk juga Michael Stenson, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, hlm. 162.

⁹² Mr. Malcolm MacDonald, The Commissioner-General For The United Kingdom in South-East Asia, in a Radio Broadcast on January 6, 1950, hlm. 4, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Terengganu, S.U.K. TR. 62/50, Dissemination of Facts and Advice During The Emergency.

⁹³ Penubuhan parti ini diumumkan pada 16 September 1951 oleh Dato' Onn Jaafar dengan tujuan utamanya mencapai kerajaan sendiri bagi Tanah Melayu dalam tempoh tujuh tahun atau 10 tahun dan memperjuangkan kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli*. Mesyuarat pembukaan rasmi IMP diadakan pada 16 September 1951. Sebab penubuhan IMP adalah kerana kegagalan Dato' Onn menukar corak parti UMNO kepada parti berbilang bangsa. Salah satu kesan serta-merta yang timbul akibat penubuhan IMP ialah lahirnya Perikatan di antara UMNO dan MCA di Selangor dan kemudiannya berkembang menjadi Parti Perikatan yang meliputi seluruh negara. Keterangan lanjut tentang IMP, rujuk *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 55, 25th July 1951, dalam C.O. 717/205/52932/1951, Association of British Malayan Monthly Bulletin, hlm. 29-30. Lihat juga James P. Ongkili, *Nation-building In Malaysia 1946-1974*, hlm. 92-93; Gordon P. Harry Miller, *Prince and Premier, A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra*, hlm. 116; Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 126-127, 136-157; Khong Kim Hoong, *Merdeka!*, hlm. 159-162; Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia*, hlm. 156-158; T.N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, hlm. 319-320; Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia*, hlm. 74; J.H. Brimmell, *Communism In South East Asia: A Political Analysis*, hlm. 329-330; lembaran maklumat tentang "Dato Onn's Independence of Malaya Party", 15th October 1951, dalam C.O. 1022/2/SEA 10/03, Information Supplied To Government Departments on The General Situation of The Emergency In Malaya, hlm. 138; *The China Press*, 7 September 1951, hlm. 3; *Nanyang Siang Pau*, 27 March 1953, hlm. 1.

